CONFUCIUS: PEMIMPIN KUNCI PENGURUSAN

WAWASAN 2020: KE ARAH MASYARAKAT YANG KREATIF

MEI 1991

ديوان مشاركة

DEWAN MASYARAKAT



Laporan Penyiasatan
SHAMSIAH FAKIH

BERJUANG MENENTANG PENJAJAH



MALAYSIA M$3.00 BRUNEI DARUSSALAM B$3.00 SINGAPURA S$3.00



SIAPA SEBENARNYA SHAMSIAH FAKIH?

Oleh FATINI YAACOB

Laporan Penyiasatan ini cuba mencari jawapannya. Usaha ini rupa-rupanya tidak semudah yang disangka. Rasa marah dan benci terhadap Shamsiah Fakih masih menghantui banyak orang; walaupun pada satu ketika sejarah juga telah mencatatkan Shamsiah Fakih adalah nasionalis tulen yang sanggup mati menghalau penjajah demi bangsa dan negaranya. Laporan Penyiasatan ini tidak lebih daripada hanya ingin memaparkan yang hitam dan yang putih tentang Shamsiah Fakih seadanya.

BAGI kebanyakan orang, Shamsiah Fakih adalah nama yang dibenci, didendami tetapi dikagumi. Segelintir sahaja yang menghargai dan menyayangi. Shamsiah Fakih mengukir legenda selama 42 tahun! Marah, benci, dendam, gerun, hairan dan tertanya-tanya.... Mengapakah Shamsiah yang berasal daripada keturunan yang dihormati, seorang ustazah yang dikatakan boleh mentafsir 30 juz *al-Quran* dengan baik, teguh akidahnya, tegas pendiriannya membela agama, bijak dan petah berbahas atas kebenaran, boleh terpesong kepada komunis yang antiagama?

Mengapakah Shamsiah yang sanggup mengorbankan empat perkahwinannya semata-mata kerana cintakan negara dan bangsa, rela menderita kerana mahu mengusir penjajah dari bumi Malaya, sanggup terus bersekongkol dengan komunis walaupun penjajah telah tiada dan bumi Malaya telah merdeka?

Di manakah silapnya? Apakah yang dicarinya? Apakah puncanya? Dan mengapa hanya kini dia mahu kembali, mengapa tidak dahulu sewaktu pengampunan ditawarkan? Hanya Shamsiah Fakih yang dapat menjawab.

Untuk generasi muda, segala yang akan kami paparkan secara bersiri tentang Shamsiah Fakih ini mudah-mudahan akan menjadi pengajaran. Untuk generasi tua, tulisan ini tidak bertujuan untuk mewirakan Shamsiah. Segalanya untuk renungan dan bahan kajian.

Shamsiah Fakih bukanlah nama sebenarnya. Fakih bukan nama bapanya atau nama suaminya dan bukan juga nama samaran Shamsiah. Nama penuh Shamsiah sepatutnya dieja – Shamsiah binti Sutan bin Sulaiman. Dari mana datangnya Fakih?

Fakih merupakan gelaran bagi orang yang berpendidikan agama yang mendalami ilmunya dalam bidang fikah. Gelaran ini adalah untuk bapanya – Sutan bin Sulaiman keturunan Minangkabau berasal dari kampung Sumpu Padang, Sumatera dan bukan untuk Shamsiah.

Sutan bin Sulaiman memperolehi gelaran ini setelah tamat belajar di sebuah sekolah agama di Padang, Sumatera Barat. Untuk menyandang gelaran ini tidaklah mudah. Tidak sekadar mendalami bidang ilmu fikah tetapi juga penghayatan terhadap ilmu tersebut dan amalannya turut diambil kira.

Sesuai dengan tahap keilmuannya dan bakat kepimpinannya, orang-orang seperti beliau digalakkan oleh guru-guru mereka supaya menjalankan tanggungjawab dakwah – menyebarkan syariat Islam ke seluruh pelosok bumi.

Mereka diingatkan bahawa ilmu yang ada adalah untuk disebarkan dan dimanfaatkan – bukan untuk disimpan dan dilupakan. Ilmu yang berkat adalah ilmu yang disuburkan.

Mereka juga diingatkan tentang sunnah Rasulullah dalam mencari rezeki. Sembilan persepuluh rezeki berada dalam bidang perniagaan. Oleh itu pesan gurunya, "Hidupkanlah keluargamu dengan rezeki halal daripada perniagaan dan suburkanlah agamamu dengan ilmu dan amalan".

Berbekalkan pesanan guru-gurunya, Fakih Sutan bin Sulaiman mula mencongak dan mencorakkan masa depannya. Kalau tinggal di kampungnya sahaja tidak ada salahnya. Masalahnya dia belum menyahut seruan gurunya.

Walaupun boleh berdakwah di sekitar sekolah agama dan kampungnya, itu masih belum cukup mengikut kriteria 'dakwah' yang dihasratkan oleh guru-gurunya.

Sebagai murid yang baik dan menjadi contoh dia tahu semua mata bertumpu kepadanya. Mereka mengharapkan dia dapat memikul tanggungjawab dakwah yang lebih jauh dan bermakna seperti kawan-kawannya yang berjaya sebelum ini.

Dia memperkuatkan tekad. Dia harus berani menerima cabaran hidup dalam berdakwah. Dia tidak boleh mengalah sebelum mencuba.

Setelah difikirkan masak-masak, Fakih Sutan mengambil keputusan untuk menyahut cabaran guru-gurunya. Dia percaya berkat keikhlasan hati dan doa guru-gurunya dia akan berjaya berdakwah dan seterusnya hidup merantau. Kalau asalnya benih yang baik, jatuh ke laut akan menjadi pulau. Di mana bumi dipijak di situlah langit dijunjung.



Fakih Sutan atau 'Fakih Godang'

Kini tekadnya sudah dibulatkan. Biar apa pun rintangan selama hidup di rantau orang dia tetap akan tabah menghadapi.

Walaupun berat hati untuk meninggalkan kedua-dua ibu bapa dan adik-adiknya yang masih kecil Fakih Sutan tidak ada pilihan lain. Dia terpaksa meninggalkan keluarganya – kedua-dua ibu bapa dan lima adik perempuannya.

Dia menyerahkan keselamatan keluarganya kepada Allah s.w.t., dan dia sangat yakin Allah akan bersamanya.

Walaupun kedua-dua ayah bondanya berat untuk melepaskannya, namun mereka menahan perasaan kerana tanggungjawab orang-orang berilmu bukanlah pekara kecil dan bukan lagi urusan kedua-dua ibu bapa. Mereka sepatutnya merestui pemergian ini.

Pada suatu pagi yang cerah, kira-kira pada tahun 1917 – dengan hati yang berat tetapi rela – kedua-dua mereka melepaskan Fakih Sutan merantau – membawa nasib ke negeri orang. Pesanan mengiringinya – " Pandai-pandailah membawa diri di rantau orang. Dan jangan lupakan Allah".

Fakih Sutan memeluk cium kedua-dua ibu bapanya. Dia menyalami adik-beradiknya sebelum berlalu meninggalkan mereka. Sungguh sayu rasa hatinya mahu meninggalkan kampung halaman dan keluarga tercinta. Terutama adik-adiknya yang masih kecil dan mengharapkan bantuannya.

Ibunya mengiringi pemergian Fakih Sutan sambil menahan air mata, sehingga hilang daripada pandangan. Ibu mana yang tidak sedih melihat anak yang dididik dan dijaga siang dan malam kini akan berjauhan.

Walaupun timbul keraguan di hatinya – terjagakah makan minum Sutan nanti, di manakah nanti tempat tidurnya, selamatkah hidupnya di tempat orang, dan bermacam-macam lagi bermain di dalam fikiran, namun dilawan perasaannya.

Hanya pada Allah dia berserah semoga Fakih Sutan selamat ketika mengharung samudera dan selamat menempuh hidup sendirian di tempat orang.

Dengan berbekalkan beberapa buah kitab dan sedikit makanan kering bekalan ibunya, Fakih Sutan menumpang bot menuju ke Kelang. Fikirannya melayang jauh mencongak-congak hari depannya. Apakah nasib yang akan ditempuhnya – selamatkah dia di negeri orang nanti?

Bolehkah dia hidup di bumi asing itu? Walaupun Tanah Melayu itu serumpun dengan Indonesia dan ramai kawan-kawannya telah berjaya di sana, namun itu masih belum cukup menjamin apa-apa untuk dirinya. Dia masih ragu-ragu.

Fakih Sutan melayan fikirannya sehingga tertidur. Dia terkejut apabila bahunya ditepuk orang. Seorang kawan sekolahnya menyedarkan dia daripada lamunan. Kawannya itu menceritakan perihal dirinya yang sudah sekian lama mencari rezeki di Tanah Melayu.

Fikirannya sedikit tenang. Kini dia tidak lagi gundah memikirkan nasibnya dan penerimaan orang di tanah asing itu. Kebetulan pula kawannya itu mempelawa beliau untuk menumpang di rumahnya buat sementara waktu. Dalam malu-malu dan berat hati dia menerima pelawaan kawannya itu.

Kawannya menetap berdekatan dengan pekan Setapak, sebuah pekan di daerah Kuala Lumpur. Pekan yang maju dan berkembang pesat ini memberikan ruang kepada Fakih Sutan untuk memikirkan apakah bentuk perniagaan yang akan dijalankannya.

Hari pertama dihabiskannya dengan meninjau bentuk-bentuk perniagaan yang ada di sekitar pekan tersebut. Fakih Sutan melihat kedai-kedai yang menjual kitab-kitab, jam, songkok dan peralatan sembahyang amat berkurangan.

Dengan sedikit modal yang dibekalkan oleh ayahnya, Fakih Sutan mengorak langkah pertama. Dia membuka perniagaan menjual barang-barang tersebut di kaki lima sebuah kedai Melayu kerana sukar dan mahal untuk mendapatkan ruang perniagaan bagi orang-orang yang merantau sepertinya.

Dari hari ke hari perniagaannya berkembang baik, walaupun dia terpaksa berpindah-randah dari satu kaki lima ke kaki lima yang lain. Fakih Sutan mengatur jadual hariannya dengan baik; sehingga beliau dapat meluangkan masa pada waktu selepas asar dan selepas maghrib mengajar di surau berdekatan dengan rumah yang dikongsi bersama-sama kawannya itu.

Setiap hari jadual hariannya sama. Hingga dia tidak sedar sudah hampir dua tahun dia hidup di rantau orang. Kini dia tidak lagi menyewa di rumah kawannya. Dia sudah berpindah ke tempat yang agak selesa dan bilik yang agak luas.

Dia juga telah mengirim khabar kepada kedua ibu bapanya menceritakan perihal keadaannya di rantau orang; walaupun sunyi dan rindukan keluarga tetapi keadaannya selamat dan perniagaan yang dijalankan bertambah baik.

Bagaimanapun satu hari kerinduannya pada kampung halaman tidak tertanggung lagi. Fakih Sutan mengambil keputusan untuk pulang menjenguk keadaan keluarganya. Rupa-rupanya ibunya sakit. Dan kembalinya Fakih Sutan menjadi penawar yang amat mujarab kepada penyakit ibunya.

Fakih Sutan merawati ibunya dengan baik. Sebagai anak sulung ibunya mula memikirkan tentang nasib diri Fakih Sutan yang masih belum berkahwin. Suatu pagi ibunya, sambil tersenyum, bertanyakan Fakih Sutan tentang hajatnya untuk menimang cucu.

Fakih Sutan tersenyum. Dia tidak menyangka ibunya akan bertanyakan soalan seperti itu. Dia lalu mengatakan bahawa jodohnya belum ditemukan lagi. Ibunya memohon, sebelum dia meninggal, dia mahu melihat Fakih Sutan bernikah.

Fakih Sutan tidak menyangka demikian besar hajat ibunya. Demi menjaga hati ibunya yang sedang sakit, dia berjanji akan mencari pasangannya secepat mungkin. Dia berjanji tidak akan menghampakan permintaan ibunya.

Tetapi dalam masa yang sama dia terfikir bagaimanakah cara mahu mendapatkan wanita sebagai isterinya, padahal dia cukup pemalu dan jarang bergaul dengan wanita.



Sa Ama bt. Nonggok – ibu Shamsiah.

Setelah ibunya pulih dia meminta izin untuk kembali menjalankan tugasnya di Tanah Melayu. Oleh kerana telah berjanji dengan ibunya, Fakih Sutan terpaksa memberitahu kawan yang ditumpanginya dulu tentang hajat ibunya.

Kawannya tersenyum, "Ini kerja mudah sahaja. Jangan risau. Jelaskan sahaja pada aku wanita bagaimana yang menjadi pilihanmu?" Fakih Sutan tidak menjawab serta-merta.

Setelah didesak oleh kawannya itu barulah Fakih Sutan menjawab. "Carilah yang sederhana, tetapi yang penting mestilah baik pekertinya dan tahu agama".

Kawannya itu dapat membaca gambaran wanita yang diingini oleh Fakih Sutan. Sebagai orang alim, Fakih Sutan sudah tentu tidak terlalu pemilih. Yang penting dia mesti mendapatkan wanita yang beriman, baik budi pekertinya. Soal wajah bukan ukuran utama walaupun itu juga penting.

Selang beberapa minggu kawannya itu datang membawa khabar. Dia menunjukkan gambar seorang wanita. Latar belakang keluarga wanita itu yang juga berasal dari Padang, Sumatera menarik minat Fakih Sutan. Lebih-lebih lagi keluarga wanita itu daripada orang yang berpendidikan agama.

Fakih Sutan kemudian menerima wanita anjuran kawannya itu. Keluarganya di Padang Panjang diberitahu. Mereka membawa rombongan meminang dan menetapkan hari perkahwinan. Keluarga terutama ibunya, sangat berbesar hati dengan wanita pilihan Fakih Sutan. Apatah lagi bila mengetahui nenek dan datuk wanita itu berasal dari tempat yang sama.

Pada suatu hari yang ditetapkan, lebih kurang pada tahun 1919, berlangsunglah pernikahan Fakih Sutan dengan Sa Ama binti Nonggok dalam suasana yang meriah.

Sa Ama merupakan anak kedua daripada empat orang adik-beradik. Bapanya telah lama menetap di Kajang, Selangor – sebuah perkampungan yang memang dikenali sebagai perkampungan orang-orang Minang, yang berasal dari Sumatera.

Tidak berapa lama selepas pernikahan itu mereka berpindah dan menetap di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Datuk dan nenek Sa Ama memberikan tanah pusaka untuk didiami oleh mereka berdua. Fakih Sutan turut memindahkan perniagaan kaki limanya.

Kemudian menambahkan perniagaannya dengan menjual ubat-ubatan yang dibuat sendiri olehnya daripada akar-akar kayu. Kerana perniagaan ubat-ubat atau kerana mujarabnya ubat buatannya ia terkenal di sekitar Kuala Pilah itu dengan panggilan Fakih Ubat. Beliau juga terkenal dengan gelaran 'Fakih Godang' kerana tubuhnya yang besar. Tidak ada orang lain sebesar beliau di Kuala Pilah.

Di samping itu Fakih Sutan terus mengajar penduduk Kuala Pilah dengan ilmu-ilmu Islam. Beliau tidak sekadar mengajar tetapi juga membawa pembaharuan daripada segi pendekatan ilmu dan ibadah dalam Islam. Beliau merupakan salah seorang yang turut menyebarkan fahaman yang disifatkan sebagai ajaran 'kaum muda' di Tanah Melayu pada masa itu.

Fahaman ini menganjurkan kepada masyarakat Islam supaya berpandangan jauh dan terbuka terutama dalam menjalankan ibadat-ibadat khusus dan tidak menyempitkan kepada satu-satu mazhab sahaja. Fahaman ini bertentangan dengan Malaya yang secara umumnya hanya mengambil mazhab Syafie sebagai rujukan.

Walaupun ada tentangan di kalangan masyarakat Kuala Pilah pada masa itu namun Fakih Sutan berjaya menambat hati penduduk-penduduk Kuala Pilah dengan budi bahasa dan hemah tingginya. Walaupun ada yang tidak menyetujuinya namun mereka hormat dan segan kepadanya.

Rumahtangga yang dibajai oleh kasih sayang, iman dan amal itu kelihatan bahagia dan tenteram. Pada tahun 1921, mereka suami isteri dikurniakan Allah seorang anak lelaki bernama Mohammad Nordin.

Rumahtangga yang bahagia itu bertambah seri dengan kelahiran puteri sulung mereka pada tahun 1922. Fakih Sutan sungguh gembira dengan kurniaan Allah ini. Allah telah mengurniakan beliau dengan anak daripada kedua-dua jantina – lelaki dan perempuan, sebagaimana yang dihajatinya yang bererti 'payung yang menaungi matahari'. Anak perempuan ini diberi nama Shamsiah.

Tahun-tahun seterusnya Allah mengurniakan lagi mereka dengan dua lagi anak lelaki – Ramli dan Nasirrudin; kemudian empat orang perempuan – Rabiah, Darwisah, Nuraminah dan Nurbaiti; menjadikan semua mereka lapan orang adik-beradik.

Di antara lapan orang adik beradik ini, Shamsiah dan Mohammad Nordin kelihatan rapat umurnya memisahkan mereka berdua agak jauh daripada enam adik-beradik yang lain.

Seperti anak-anak perempuan yang lain yang lazimnya rapat dengan ayah mereka, demikianlah Shamsiah. Shamsiah menjadi anak kesayangan ayahnya. Sebelum kedatangan adik-adiknya yang lain Shamsiah dibelai dan ditatang bagai minyak yang penuh oleh ayahnya.

Ini tidak bermakna kasih sayang ayahnya berkurangan untuk anak-anak yang lain. Hanya kerana Shamsiah satu-satunya anak perempuan di antara tiga lelaki, sebelum lahir adik-adik perempuannya yang lain, maka dia mendapat perhatian yang istimewa.

Selain rapat dengan ayahnya Shamsiah juga rapat dengan adik lelakinya Ramli. Ramli seringkali menjadi teman ke mana sahaja Shamsiah pergi, kerana ayahnya sangat mengambil berat masalah keselamatan anak perempuan pertamanya ini.

Fakih Sutan membesarkan anak-anaknya dengan penuh disiplin dan tanggungjawab. Semua anak-anaknya disekolahkan dan diberi didikan agama yang kukuh sejak kecil lagi. Baginya tiada gunanya gelaran dan ilmu yang ada padanya sekiranya anak-anaknya tidak dibentuk dan dididik dengan budi pekerti yang mulia dan iman yang kukuh.

Pada zaman itu – zaman kebanyakan orang memandang wanita tidak perlu ke sekolah, cukup sekadar di dapur dan menjaga anak, Fakih Sutan mempunyai pandangan yang berbeza.

Beliau memecahkan tradisi itu. Fakih Sutan menyekolahkan Shamsiah dan menggalakkannya belajar hingga setinggi mana yang boleh.

Dia tahu kewajipan menuntut ilmu di sisi Islam adalah ditujukan kepada kedua-dua jantina - tanpa perbezaan di antara lelaki dan wanita.



Haji Ramli Fakih – adik lelaki yang sering menemani dan rapat dengan Shamsiah.

Oleh itu sejak dari kecil lagi, sewaktu kawan-kawan sebayanya banyak yang masih bermain masak-masak atau membuai anak patung kain, Shamsiah sudah ke sekolah. Di peringkat awal, Shamsiah dimasukkan oleh ayahnya ke Sekolah Melayu, Kuala Pilah.

Sejak kecil lagi Shamsiah telah menunjukkan kecerdikan dan kerajinan untuk belajar. Shamsiah sering merujuk kepada ayahnya setiap kali dia menghadapi masalah dalam pelajarannya.

Minatnya yang mendalam dalam membaca dan belajar menjadikan Shamsiah semakin disayangi oleh ayahnya. Kelebihannya dalam menghayati pelajaran dan kerajinannya dalam mengulangkaji menjadikan Shamsiah berbeza daripada abang-abang atau adik-adiknya yang lain.

Menurut adiknya Haji Ramli, sejak kecil lagi dia mengenali Shamsiah sebagai seorang yang paling kuat membaca. Seringkali masa terluang pada sebelah petang apabila balik dari sekolah digunakan untuk membaca.

Shamsiah juga menurutnya adalah manusia yang lembut tetapi keras hati. Dia akan bermati-matian mempertahankan perinsipnya sekiranya dia tahu bahawa dia benar. ●

[Bersambung bulan hadapan]

Mengapa Shamsiah Tidak Boleh Kembali?

Siapa tidak kenal Shamsiah Fakih? Siapa yang tidak tahu bagaimana dia popular? Dia dikenali di mana-mana. Dia mengukir namanya dalam sejarah negara dengan gayanya yang tersendiri. Dia memilih untuk menjadi seorang komunis. Dan dia diingati dengan cara yang memedihkan – dibenci dan didendami.

Apakah dia memasuki komunis dengan rela atau terpaksa, tiada siapa yang tahu. Namun semua golongan generasi lama yang melalui zaman pendudukan Jepun dan zaman kebangkitan semangat nasionalisme Melayu tidak mungkin melupakannya.

Semua pihak yang merasakan pahit maung hidup pada zaman keganasan komunis dan darurat mungkin tidak sekali-kali akan memaafkannya.

Shamsiah Fakih telah mencipta legendanya sendiri. Legenda benci dan dendam di hati anak bangsa di tanahairnya sendiri. Apakah memang itu yang diimpikan dalam perjuangannya selama ini?

Itulah yang kita tidak tahu tentang Shamsiah.

Yang kita tahu Shamsiah menyatakan

keinginannya untuk pulang. Dia merindui tanahairnya sendiri. Dia mahu mati di bumi kelahirannya. Katanya, dia sudah lama berhenti menjadi anggota komunis. Dia sudah serik. Dia mahu diampunkan oleh kerajaan. Untuk dapat kembali, dia rela ditahan atau dipenjarakan di sini.

Katanya, komunis dan negara China kini sudah tidak membawa apa-apa makna lagi kepadanya. Tanah Melayu, yang kini Malaysia, seperti melambai-lambainya. Dia mahu segera kembali dan mati di sana.

Kecuali keluarganya, rayuan Shamsiah tidak semudah itu diterima baik. Reaksi daripada pelbagai pihak yang rata-ratanya negatif tidak memungkinkan Shamsiah semudah itu kembali.

Melalui penyelidikan yang dibuat, sejak berita Shamsiah merayu untuk kembali ke Malaysia disiarkan di akhbar, pelbagai pihak telah memberikan reaksi. Himpunan daripada reaksi yang pelbagai ini boleh dilihat di dalam Jadual A.

Kesimpulan daripada reaksi itu keseluruhannya menunjukkan bahawa Shamsiah hanya boleh kembali dengan bersyarat. Hukuman yang setimpal dengan kesalahannya mestilah dikenakan terhadapnya. Dia tidak boleh sewenang-wenang pulang seperti orang yang tidak bersalah.

Ternyata kesan dendam dan marah di kalangan rakyat terhadap beliau bukanlah sedikit. Namun, daripada hasil penyelidikan yang dibuat, kecaman dan reaksi negatif kepada kembalinya bekas Komander Regimen ke-10 Encik Musa Ahmad ke tanahair pada bulan November 1981 tidak langsung jelas kelihatan.

Jikalau dikira daripada segi logiknya – mengapakah Shamsiah mendapat tentangan hebat daripada masyarakat, juga kerajaan? Adakah kerana beliau yang pada mulanya mencari saudara melalui akhbar *Utusan Melayu* dan kemudian merayu untuk pulang juga melalui akhbar, menyebabkan beliau ditentang?

Sekiranya Shamsiah dibawa kembali ke tanahair sama caranya seperti Musa dan isterinya, agaknya tidaklah kedengaran begitu kuat tentangan terhadap hasrat beliau.

Dalam menjalankan penyelidikan terhadap Shamsiah ini kami membuat andaian-andaian ini:

* Kegagalannya untuk kembali dan tentangan yang diperolehinya hanyalah kerana persoalan 'cara'.

* Kerajaan terpaksa melayani kehendak masyarakat untuk tidak membenarkannya pulang, walaupun dalam masa yang sama kerajaan Malaysia mahu dikenali sebagai kerajaan yang pengampun.

* Shamsiah akan dibenarkan kembali apabila keadaan reda dan masyarakat tidak lagi memperkatakan tentang isu ini. ●

Jadual A: Reaksi Terhadap Kepulangan Shamsiah Fakih

Nama Individu/ Persatuan	Bawa Balik Bersyarat/ Dihadapkan Ke Mahkamah	Ditahan/ Hukuman Setimpal	Bawa Balik Tanpa Syarat	Tidak Layak Balik
1. Datuk Megat Junid Tim Men Dlm Negeri	✔	✔		
2. Datuk Abu Hassan Omar Menteri Luar	✔			
3. Left Jen (B) Datuk Abdullah Shamsudin	✔			
4. Jen Tan Sri Hashim Mohd Ali	✔			
5. Tan Sri Samad Idris Bekas Wakil Rakyat K. Pilah			✔	
6. Tan Sri Abdul Hamid Bidin Pers Bekas Perajurit M'sia		✔		
7. En Abas Osman S/U Agung Persatuan Bekas Polis M'sia		✔		
8. Haji Shukur Nordin Tim YDP Pers Bekas Perajurit Pulau Pinang		✔		
9. Left (B) Aziz Talib Veteran Askar Melayu (1936)	✔			
10. En Abdul Kanan Ishak Persatuan Bekas Perajurit C Barat Daya	✔			
11. En Arsah Ayob Bekas Anggota Semboyan		✔		
12. Datin Paduka Hajah Rahmah Othman Bekas Tim Men Pengangkutan	✔			
13. Puan Rakibah Abd Manaf Wakil Rakyat Shah Alam	✔			
14. Puan Mazidah Zakaria Exco Perak	✔			
15. Datin Khadijah Pengerusi Puspita Wilayah	✔			
16. Haji Ramli Fakih Adik Shamsiah Fakih			✔	
17. Puan Nurbaiti Fakih Adik Shamsiah Fakih			✔	
18. Encik Yassin Kina Bekas Suami Pertama Shamsiah			✔	
19. Ludin Nonggok Bapa saudara Shamsiah			✔	

Rajah ini adalah berdasarkan penyelidikan penulis.

MEMO KEPADA PEMBACA

Laporan Penyiasatan Shamsiah Fakih yang bermula pada bulan Februari lalu seperti yang diduga telah mendapat perhatian yang cukup besar. Pelbagai reaksi, baik yang menyokong atau menentang, telah banyak kami terima. Ada setengah-setengah pihak yang menyatakan rasa simpati dan merayu supaya Shamsiah Fakih dibenarkan pulang ke tanah-air. Keinginan Shamsiah Fakih sendiri untuk kembali ke pangkal jalan, apatah lagi rasa keinsafannya yang mendalam, menurut mereka, perlu diberi pertimbangan yang wajar. Kalau Musa Ahmad, Ibrahim Baba, Wahi Anwar dan beberapa orang bekas anggota PKM yang lain yang terlibat dalam pemberontakan komunis dahulu dibenarkan bermastautin semula, mengapa kes Shamsiah ini dipencilkan?

Salah satu pendapat yang kami terima, iaitu daripada Tan Sri Samad Idris, memaparkan pengalaman beliau semasa ancaman komunis memuncak. Daripada pengalaman beliau, beliau merasakan ada kewajaran agar Shamsiah dibenarkan pulang. "Secara peribadi saya benar-benar merasakan sentuhan rasa yang memilukan apabila rayuan daripada rasa keinsafan yang mendalam seorang insan yang bernama Shamsiah Fakih ini. Dia mengharapkan belas kasihan pihak berkuasa agar membenarkannya kembali dan ingin mati di tanah tumpah darahnya, lebih-lebih lagi dalam umurnya yang sudah meningkat tua." Apakah rasional di sebalik kenyataan Tan Sri Samad itu? Untuk tujuan itu, kami akan menyiarkan pendapat Tan Sri Samad pada keluaran bulan hadapan.



Fatini: Berusaha menghubungi Shamsiah.

Di sebalik beberapa kewajaran itu, ada pihak yang mempersoalkan kejujuran dan keikhlasan Shamsiah Fakih. Golongan yang kebanyakannya terlibat secara langsung mempertahankan negara daripada pemberontakan komunis ini, merasakan tidak ada sebarang kewajaran untuk membenarkan Shamsiah Fakih menghabiskan sisa-sisa hidupnya di negara ini. Bagi mereka darurat selama 12 tahun telah meninggalkan kesan dan pengalaman yang amat pahit. Tempoh tersebut tidak pernah memberikan ingatan yang manis walaupun hampir 13,000 anggota komunis berjaya dibunuh. Pengorbanan beratus-ratus rakan seperjuangan yang terkorban lebih dirasai dan dihargai. Apatah lagi apabila mengingatkan perjuangan kental komunis yang "tidak mahu mengaku kalah" hatta telah meletakkan senjata sekalipun.

Persoalan yang rumit di sekitar peristiwa ini menuntut ketekunan yang luar biasa. Selama beberapa bulan Fatini Yaacob telah mengumpul dan menyusun maklumat untuk menulis cerita yang semakin tidak dimengerti oleh generasi muda kita.

"Untuk kepentingan sejarah bangsa dan negara, kita perlu membongkar cerita-cerita seperti ini. Walaupun telah banyak ditulis mengenai Shamsiah Fakih, namun latar belakang siapa sebenar Shamsiah Fakih tidak banyak ditonjol," kata Fatini. "Sebab itulah kami sedang berusaha untuk membuat kontak dengan Shamsiah agar mendapat luahan rasa daripada mulut beliau sendiri." ●

NIK ZAINAL ABIDIN

DEWAN MASYARAKAT


Ketua Editor: SYED JAAFAR HUSIN
Editor Kumpulan: WAN OMAR AHAMED (SUTUNG UMAR RS)
Editor: NIK ZAINAL ABIDIN HASSAN
Timbalan Editor: NOOR KHAIRIYATI MOHD. ALI

Editor Bersekutu: CHE MAHZAN AHMAD • ABDUL AHMAD
HAJAH SITI ZALEHA MOHD. HASHIM • MOKHTAR AHMAD
ASIAH IDRIS • HASSAN ALIAS • ADNAN ABDUL MAJID
Unit Penyelidikan: FATINI YAACOB • NORLIA MOHAMED
ZAITON NASIR • ZAHIDAN ABD. AZIZ
Staf Penyelidik: RAZALI MOHD. SAAD • MIOR HAMZAH MIOR
HASHIM • HISHAMUDDIN MANSOR
ZAITON ABU SAMAH • ZAHARUDIN ABD. RAHMAN
SADATUL MAHIRAN ROSLI • WARDATI MD. SHERIFF
Promosi/Kegiatan: FAIKHA ABD. KADIR (Ketua)
ABD. GHAFAR ABD. LATIP
Editor Kopi: MOHD. YUSOP ABDULLAH (Ketua)
MOHD. ARSHAD OTHMAN • NORZEHA KASBI
Penyelenggaraan Grafik: MOHD. SAID YAACOB (Ketua)
ABD. WAHID MOHD. ISA • ABD. RAHIM MUDA
ABD.GHAFFAR BAHARI • MOHD. SABRI YUNUS • KAMARUL
KHAZIM SULAIMAN
Unit Pentadbiran: SALLEHUDIN HASHIM (Ketua)
ZABIDI SULAIMAN • ZUHARA JAMALUDDIN
SITI MAANI BIDIN • NORIMI MOHD. ALI
SITI ZAIHA HADANI • NORLIDA AHMAD • HASSAN MD. TAHIR

Panel Ekonomi: DATUK DR KAMAL SALIH (Pengarah Eksekutif MIER)
DATO' ABDUL KHALID IBRAHIM (Ketua Eksekutif dan Pengurus Besar PNB) • PROF MOKHTAR TAMIN (Pensyarah Fakulti Ekonomi & Pentadbiran Universiti Malaya) • MARTIN KHOR KOK PENG (Pengarah Penyelidikan, Persatuan Pengguna Pulau Pinang)

Wakil Luar Negeri: SHIGEKI KOBAYASHI (Tokyo, Seoul & Beijing) • WAN A. HULAIMI (London) • A. RAHMAN ADNAN (Berlin & Geneva)

Kolumnis: TAN SRI ABDUL AZIZ RAHMAN (Pengarah Urusan MAS) • DATUK HJ HASSAN AHMAD (Wakil Tetap Malaysia ke UNESCO) • MOHD SALLEH ABDUL MAJID (Pengurus Besar BSKL) • RUSTAM A. SANI (Fellow kanan di Institut Kajian Stratejik dan Antarabangsa Malaysia) • SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN (Pensyarah Jabatan Antropologi dan Sosiologi UKM)
MOHD ZAID IBRAHIM (Presiden Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia)



Ketua Pengarah: HAJI JUMAAT DATO' HAJI MOHD. NOOR
Timbalan Ketua Pengarah II: HAJI SHAARI ABDULLAH
Pengarah Penerbitan: HAJI ABU BAKAR MOHAMAD
Pengurus Perniagaan: HAJI MOHD. KAMMAL ZAINAL ABIDIN
Ketua Seranta/Iklan: ABDUL RAHIM ESA
Ketua Pustakawan: ROHANI RUSTAM
Ketua Bahagian Rekabentuk: HASSAN ABDUL MAJID
Ketua Jurufoto: HAJI MOHAMAD ALI ZAKARIA

Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia, Tel: 03-2481011, 03-2484211, 03-2481820; Fax: 03-2484208.

Pencetak: Harian (Zulfadzli) Sdn. Bhd., 24, Jalan Usahawan, KawasanPerindustrian Setapak, Off Jalan Genting Kelang, 53200 Kuala Lumpur. Tel: 03-4218655, 03-4218675; No. Fax: 03-4218645.

Urusan Langganan: Pengurus Kewangan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 03-50926 Kuala Lumpur. Tel: 03-2481011, 03-2484211, 03-2481169.

Wakil Iklan: MEDIAPLUS (M) SDN. BHD.34A, Jalan SS 20/10, Damansara Kim, 47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Tel. 03-7173552; Fax 03-7175370.

Pendidikan, Perkahwinan Dan Perceraian Shamsiah

Oleh FATINI YAACOB (Bahagian kedua)

Daripada hasil penyelidikan kami, Shamsiah Fakih rupanya mendapat pendidikan yang baik sejak kecil hingga ke peringkat tinggi. Hanya kerana Perang Dunia II meletus menyebabkan kemasukannya ke universiti terbantut. Perkahwinan pertama beliau pula berlangsung berdasarkan kerelaan terhadap pilihan gurunya. Dan perceraiannya berlaku kerana terpaksa. Penyelidikan kami juga menunjukkan Shamsiah terkenal kerana ilmu dan kepetahannya berhujah sejak bersekolah di Kuala Pilah.



Kami juga harus merakamkan di sini tentang bagaimana sukarnya mendapat maklumat tentang masa kecil dan remaja Shamsiah, bukan sahaja kerana tidak ada bahan bertulis tentang beliau tetapi juga kerana tidak ramai yang tahu. Ustaz Hashim Ghani dan bekas suaminya Mohd. Yassin Kina merupakan orang yang paling banyak membantu kami mendapatkan maklumat tentang Shamsiah.

Masa kecil Shamsiah penuh warna-warni. Hidupnya dilimpahi kasih sayang selaku anak perempuan yang dimanjai ayah. Walaupun keluarganya tidak mewah namun kehidupan mereka tidaklah susah. Shamsiah boleh mendapatkan apa yang diingininya seperti kanak-kanak lain yang sebayanya.

Sejak kecil Shamsiah ternyata mempunyai kegemaran yang berbeza daripada adik-beradiknya yang lain. Dia gemar mengisi masa lapangnya dengan membaca. Dia juga aktif dan suka bertanya.

Shamsiah juga rapat dengan ayahnya. Shamsiah rajin mengekori ayahnya ke mana-mana sewaktu tidak bersekolah – kadang-kala berniaga ubat atau ke kedai. Shamsiah sering berteleku di samping ayahnya membaca kitab atau mengaji al-Quran. Dia suka mendengar perbualan dan perbincangan ayahnya tentang persoalan agama apabila ada orang berkunjung ke rumahnya meminta nasihat.

Kebiasaan bersama ayah ke mana sahaja membentuk Shamsiah mempunyai minat yang sama dengan ayahnya. Shamsiah membesar dengan semangat suka membaca, suka bertanya dan cintakan ilmu. Kelebihan yang ketara sejak dari kecil ini, menyebabkan ayahnya menaruh harapan yang besar terhadap masa depan Shamsiah. Ayahnya mahu melihat Shamsiah maju dalam pelajarannya. Dia akan memastikan Shamsiah ditempatkan di sekolah yang baik yang boleh memupuk kecerdikannya dan bakatnya sebagai seorang pemimpin.

Fakih Sutan berhasrat benar agar Shamsiah dapat menjadi penggantinya kelak – sudah tentu sebagai pengganti yang lebih baik dan lebih berwibawa daripadanya dalam bidang agama, walaupun Shamsiah anak perempuan.

Shamsiah Belajar ke Sumatera

Fakih Sutan telah melihat keadaan persekolahan pondok di Tanah Melayu pada tahun-tahun 30-an. Baginya sukatan pelajaran sekolah-sekolah pondok di Tanah Melayu pada masa itu tidak cukup dinamik dalam menanamkan semangat nasionalisme dan perjuangan kemerdekaan. Untuk menghantar Shamsiah ke sekolah Inggeris jauh sekali kerana sikap antipenjajahnya yang tebal. Oleh kerana dia berasal dari Sumatera dan tahu selok belok pengajian sekolah-sekolah agama di sana, Fakih Sutan bercadang mahu menghantar Shamsiah ke sana sebaik sahaja Shamsiah menamatkan pengajian rendah sekolah Melayunya.

Pada tahun 1937 Shamsiah yang ketika itu berumur 13 tahun bersama adiknya Ramli yang berumur 7 tahun dibawa oleh ayahnya balik ke kampung halaman keluarga ayahnya di Padang, Sumatera.

Fakih Sutan menyekolahkan Shamsiah di sekolah agama Rahmah al-Yunusiah di Padang Panjang, Sumatera Barat. Shamsiah tinggal di asrama sekolah tersebut. Sementara Ramli tinggal bersama bapa saudaranya Ripin, adik kandung Fakih Sutan.

Ramli yang masih kanak-kanak, bersekolah agama di sebuah sekolah khas untuk kanak-kanak sebayanya di sana. Selain daripada belajar di sekolah itu, tugas Ramli adalah sebagai peneman kepada kakaknya. Ayahnya begitu khuatir tentang keselamatan Shamsiah, sehinggakan adiknya yang kecil itu pun disuruhnya menjadi peneman.

Sekolah agama Rahmah al-Yunusiah pilihan Fakih Sutan untuk menyekolahkan Shamsiah ini, sebenarnya merupakan sekolah yang masyhur dan terbaik di Sumatera dalam mendidik dan menanamkan semangat nasionalisme di kalangan generasi muda Indonesia.

Sekolah agama ini terbahagi kepada dua – al-Rahmah untuk pelajar perempuan sementara al-Yunusiah menempatkan pelajar-pelajar lelaki. Sekolah ini sebenarnya dinamakan mengikut nama sepasang suami isteri – Rahmah dan Yunus yang mengusahakannya.

Mereka berdua bercita-cita mahu melahirkan generasi bangsa Melayu yang berilmu dunia dan akhirat dan sanggup bangun berjuang membebaskan negara daripada penjajah. Oleh itu mereka bersama beberapa orang guru lain berusaha mendirikan sekolah ini dan menyiapkan sukatan pelajarannya bersesuaian dengan aspirasi tersebut.

Oleh kerana itu selain daripada ilmu-ilmu Islam yang biasa diajarkan di sekolah-sekolah agama yang lain, sekolah ini mempunyai mata pelajaran yang khas – bagi menekankan semangat cintakan tanah air dan menentang penjajah.

Kurikulumnya memastikan agar penuntut-penuntutnya diingatkan setiap masa tentang perjuangan dan tanggungjawab memerdekakan negara. Umpamanya subjek pertama pada setiap pagi, sebelum penuntut-penuntut ini masuk ke kelas; ialah perhimpunan besar. Dalam perhimpunan ini

mereka dikehendaki menyanyikan lagu 'Indonesia Raya' dengan penuh semangat. Selepas itu mereka dimestikan menggenggam tangan dan meneriakkan 'merdeka, merdeka, merdeka' dengan lantang dan penuh azam.

Kemudian semasa di dalam kelas, pada setiap mata pelajaran yang diajar semua guru diingatkan supaya menyelitkan kata-kata penuh semangat terhadap tanggungjawab setiap orang Melayu dan Islam dalam usaha membebaskan negara dan bangsa daripada penjajah.

Mata pelajaran pula tidak terhad kepada ilmu-ilmu akhirat semata-mata. Setiap murid dimestikan mempelajari ilmu kemahiran hidup duniawi seperti perdagangan, ekonomi, sains rumah tangga, pertanian, pertukangan dan seumpamanya.


Dalam melatih murid-murid sekolah ini menjadi pemimpin yang berkaliber, kecekapan berhujah dan kepintaran mencari idea-idea yang bernas menjadi satu kemestian. Mereka dilatih dalam program latihan bahas dan pidato umum yang diaturkan setiap hujung minggu. Setiap murid dipastikan mengambil bahagian mengikut giliran masing-masing.

Setiap kali pula topik-topik yang dipilih oleh guru-guru ini menyentuh persoalan-persoalan besar tentang *survival* masyarakat Melayu seperti persoalan maruah bangsa, perjuangan kemerdekaan dan tanggungjawab individu dalam menentukan kedudukan politik, ekonomi dan sosial bangsanya. Dengan sukatan pelajaran yang dibentuk sedemikian rupa dan indoktrinasi yang sedemikian rapi, setiap penuntut yang keluar dari sekolah ini diharapkan akan lahir sebagai seorang pemimpin yang baik.

Mereka diharapkan memiliki sifat-sifat yang dinamik, sentiasa mahu maju, berani, penuh azam, yakin dan sentiasa 'berfikir besar'– menidakkan yang remeh-temeh. Harapan pengasas sekolah ini adalah untuk melihat bangkitnya watak individu berjiwa besar, yang mampu mengharung cabaran dan sanggup bergadai nyawa demi kemerdekaan negara.

Kesan yang diinginkan oleh pelopor sekolah itu terhadap anak-anak muridnya rupanya semakin nyata dan merata. Sejak ditubuhkan pada awal tahun 20-an, ramai penuntutnya menjadi pemimpin besar dalam menyebarkan semangat perjuangan kemerdekaan di Indonesia, terutama di kepulauan Sumatera.

Shamsiah ternyata dapat mengasah minatnya berpidato dan menggilap bakat kepimpinannya melalui sekolah ini. Kebolehannya berpidato begitu terserlah, semangat beraninya berkobar-kobar dan



Shamsiah (kiri) sewaktu berumur 13 tahun bersama ibu dan adiknya Ramli.

jiwanya kini hanya dipenuhi dengan satu cita-cita besar – mahu memerdekakan negaranya daripada penjajah.

Dan dia tidak keseorangan. Kawan-kawan sekolahnya yang berasal dari Tanah Melayu juga menyimpan hasrat yang sama. Ini termasuklah Sakinah Junid (kini Datin Sakinah Junid, isteri Dato Asri Haji Muhammad) dan Aishah Ghani (kini Datuk Paduka Hajah Aishah Ghani – bekas Menteri Kebajikan Am).

Shamsiah Kembali ke Tanah Melayu

Sayangnya Shamsiah tidak dapat menamatkan persekolahannya. Fakih Sutan telah menulis surat memberitahu Shamsiah dikehendaki balik dan dia sendiri akan datang mengambil mereka.

Tidak dapat dipastikan apakah sebabnya Fakih Sutan berbuat demikian. Adiknya Ramli yang kini tinggal di Kuala Lumpur juga tidak tahu apakah puncanya yang menyebabkan mereka dipanggil balik oleh ayahnya, kerana dia masih sangat kecil waktu itu.

Mungkin puncanya ialah keadaan dunia yang huru-hara dan bunga-bunga Perang Dunia II yang semakin jelas yang menyebabkan Fakih Sutan berasa tidak tenteram. Fakih Sutan terpaksa mengambil keputusan memanggil pulang kedua-dua anaknya daripada Sumatera, sebelum suasana bertambah buruk dan keselamatan mereka tidak terjamin.

Shamsiah terpaksa kembali. Tetapi kali ini dia kembali dengan tanggungjawab. Telah subur di sanubarinya semangat memperjuangkan kemerdekaan. Dia harus bertanggungjawab menyedarkan bangsa Melayu terhadap kemunduran mereka.

Shamsiah yang kini telah berumur 15 tahun tidak sahaja kembali dengan semangat baru, tetapi juga wajah baru. Dia memakai tudung panjang melitupi wajahnya yang cantik umpama bunga yang sedang mekar.

Menurut beberapa orang tua di Kuala Pilah yang ditemui, Shamsiah merupakan anak gadis pertama yang memakai tudung panjang melitupi wajah seumpama itu.

Shamsiah Belajar di High Islamic School, Pelangai

Nasib Shamsiah baik kerana tidak lama setelah dia kembali ke Kuala Pilah, sebuah sekolah agama dibuka. Sekolah ini dikenali dengan nama Inggerisnya The High Islamic School atau nama Arabnya Madrasah 'Aliyah Islamiah. Sekolah ini dibuka pada 15 Januari 1939.


Pengasasnya ialah Tuan Guru Muhammad Maadah bin Layang atau lebih dikenali dengan nama Lebai Maadah. Beliau berasal dari Tengkek Negeri Sembilan. Beliau mendapat pendidikan di Karachi selama sepuluh tahun. Beliau boleh bertutur dalam empat bahasa – Urdu, Inggeris, Arab dan Melayu.

Lebai Maadah mempunyai hubungan yang rapat dengan pihak istana. Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan ketika itu, Almarhum Tuanku Abdul Rahman ibni Tuanku Muhammad Shah memberi pengiktirafan dan membantu sepenuhnya perjalanan sekolah tersebut sejak daripada awal pembukaannya; sehinggakan gaji guru-guru yang mengajar di sekolah ini dibayar oleh istana.

Lebai Maadah tidak sahaja membuka sekolah dengan corak pengajaran dan pembelajaran yang berbeza daripada sekolah-sekolah lain di Tanah Melayu pada masa itu; malahan beliau juga turut mengembangkan fahaman As-sunnah Wal-jammaah yang diberi gelaran ajaran 'kaum muda' di Kuala Pilah.

Fahaman ini tidak bertaklid hanya kepada satu-satu mazhab dalam persoalan hukum-hakam agama; tetapi membuka ruang lebih luas kepada masyarakat Islam untuk menggunakan akal fikiran dengan merujuk Hadis dan al-Quran. Mazhab-mazhab Syafie, Hambali, Maliki dan Hanafi tidak ditinggalkan malah dirujuk mengikut kekuatan hujah masing-masing.

Bapa Shamsiah – Fakih Sutan, Fakih Khattab dan beberapa orang ulama dari Sumatera juga merupakan pendukung kuat aliran ini dan bergabung tenaga berdakwah bersama-sama Lebai Maadah.



Maadah (duduk) bersama Ahli Jawatankuasa Sekolah Agama Pelangai.

Walaupun mendapat tentangan yang daripada penduduk tempatan, namun mereka tenggelam kerana kewiba- Lebai Maadah dan pembelaan dari- pihak istana.

...olah yang didirikan oleh Lebai ini mempunyai keistimewaannya tersendiri. Pengajian utama di sekolah ... al-Quran dan hadis. Pengajian di- ... dengan kursus penterjemahan al- ... secara harfiyah (perkataan demi ...an) yang dikuti dengan kefahaman ...han terjemahan.

...m masa dua tahun murid-murid se- ...lah dapat menguasai penterjemahan ... dengan baik, berbanding dengan ... pondok biasa yang mengambil ... 12 tahun untuk mendapat ilmu yang ...

...entara kitab-kitab yang digunakan ... kitab-kitab asli karangan ulama luar ... dalam bahasa Arab yang diterje- ... spontan oleh guru ke dalam baha- ...layu. Sekolah-sekolah pondok lain ... itu menggunakan kitab terjemahan ...tab Melayu karya ulama-ulama tem- ...

...stem yang digu- ... di sekolah ini ... moden. Ia meng- ...ahap pencapaian ... melalui perbe- ... kelas. Kalau di ... pondok; tidak ... sistem kelas. Se- ...murid berada da- ...tu kelas dan tidak ...eza tahap.

...hasa Inggeris ...jadi bahasa kedua ...ng selain daripada ...sa Arab dan Mela- ...urid-murid lelaki ...stikan memakai ... kemas bertali leher dan berkot, atau baju Melayu bertu- dung untuk perempuan.

Murid-murid yang belajar di sekolah ini datang dari seluruh Malaysia – seperti Pahang, Kelantan, Terengganu, Melaka, Johor dan Selangor. Jumlah murid pada pengambilan pertama ialah hampir 300 orang. Ada yang tinggal di asrama dan selebihnya di rumah sewa di luar.

Sistem pengajaran beliau yang unik menjadikan murid-murid yang tamat daripada sekolah ini mahir dalam menterjemah al-Quran dan al-Hadis. Mereka juga mempunyai semangat memperjuangkan nasib bangsa yang tinggi. Ramai daripada lepasan sekolah ini bergiat di dalam politik dan memperjuangkan kemerdekaan sama ada di dalam gerakan kiri ataupun kanan.

Shamsiah Fakih yang mendapat pendidikan asas yang baik di Sumatera, menyambung pengajiannya dalam darjah yang tinggi – darjah sembilan di sekolah ini. Hanya empat orang murid perempuan yang berada pada tahap ini pada waktu itu selain Shamsiah iaitu Maheran bt. Putih Isa, Khadijah Alip, Hendon bt. Rentah dan Asmah bt. Usulan.



Shamsiah Fakih (duduk nombor dua dari kanan) bersama teman-teman seasrama, di High Islamic School Pelangai.

Sementara penuntut-penuntut lelaki yang berada di kelas tinggi ini di antaranya ialah Mokhtar Hj. Sidin, Usup Hj. Long, Abdul Aziz Yunus, Yassin Hj.Ali, Malik Hussien, Sulaiman Taalim, Rais Manaf, Adam Ali dan Mohd. Yassin Kina.

Penuntut-penuntut kelas tinggi ini akan berada di dalam satu kelas tetapi berlainan bilik apabila tiba giliran mereka belajar. Mereka diajar oleh Lebai Maadah sendiri. Kesemua mereka menjadi guru penolong Lebai Maadah mengajar di kelas-kelas yang lebih rendah.

Di antara mereka ini Shamsiah, Khadijah, Abdul Aziz Yunus dan Mohd. Yassin Kina adalah murid terbaik dan menjadi harapan kepada Lebai Maadah.

Shamsiah tidak sekadar boleh berpidato dengan baik dalam setiap latihan bahas dan pidato umum di sekolah ini, malahan dia boleh menterjemah al-Quran dengan lancar setelah melalui pengajian selama dua tahun. Dia kini telah bergelar ustazah.

Shamsiah kemudian terkenal di seluruh Kuala Pilah dengan kepetahannya berpidato dan kecantikan wajahnya di sebalik tudung litup pakaiannya sehari-hari. Anak-anak muda Kuala Pilah sering mengintai-intai memerhati gerak-geri Shamsiah apabila dia melintas di hadapan mereka. Sudah menjadi bualan umum di kalangan anak muda Kuala Pilah 'Siapa yang tidak menoleh memandang Shamsiah, alamat pendeklah umur orang itu.'

Bagaimanapun mereka hanya sekadar boleh memerhati dari jauh. Untuk mendekati atau mengusiknya jauh sekali. Shamsiah disegani kerana ilmunya yang mendalam dan kefasihannya mematahkan cakap orang. Shamsiah juga sering kelihatan serius dan tidak pernah ambil peduli segala pandangan terhadapnya.

Perkahwinan Pertama Shamsiah

Lebai Maadah pula menyimpan cita-cita yang besar terhadap anak-anak muridnya yang bijak dan berpotensi. Dia mahu anak-anak muridnya itu menjadi penyambung hayat sekolah tersebut.

Kalaupun mereka berpindah tempat tinggal beliau mengharapkan anak-anak

muridnya ini akan menyambung teknik pengajaran dan pembelajaran yang telah mereka pelajari dengan membuka sekolah-sekolah seperti ini di tempat lain. Lebai Maadah tidak nampak cara lain untuk berbuat demikian, kecuali dengan mengahwinkan anak-anak murid lelaki dan wanitanya yang bijak dan berpotensi mengembangkan ilmu.

Bagaimanapun sebelum membuat keputusan itu dia berbincang dahulu dengan ibu bapa murid-murid tersebut. Setelah mendapat kebenaran dan mandat barulah Lebai Maadah membuka mulut kepada anak-anak muridnya.

Di kalangan anak-anak muridnya itu ada empat pasangan yang difikirkannya sesuai untuk dijodohkan. Pertama: Abdul Aziz Yunus dengan Khadijah bt. Alip dan kedua: Mohd. Yassin Kina dengan Shamsiah bt. Fakih Sutan.

Ketaatan yang tinggi terhadap tuan guru menyebabkan cadangan perkahwinan di antara kawan sesama sekolah ini tidak mungkin untuk ditolak. Pasangan Abdul Aziz Yunus menerima permintaan tuan guru ini dengan patuh. Demikian juga pasangan Mohd. Yassin Kina dan Shamsiah.

Bagi Mohd. Yassin Kina, walaupun pada mulanya dia agak terperanjat dengan cadangan gurunya untuk mengahwinkannya dengan Shamsiah; dia menerima permintaan gurunya dengan hati terbuka dan penuh gembira.

Siapa yang akan menolak untuk dikahwinkan dengan wanita cantik sebutan semua orang di Kuala Pilah? Jadi dia menerima cadangan penjodohan itu tidak sahaja atas dasar taatkan guru malahan kerana rasa bertuah dijodohkan dengan wanita idaman pemuda-pemuda Kuala Pilah!

Mohd. Yassin Kina berfikir-fikir, kalaulah dia berusaha sendirian untuk mendapatkan Shamsiah, sudah tentu tidak mudah baginya. Dia tahu Shamsiah menjadi rebutan dan dia tahu pasti dia harus menempuh saingan sengit untuk mendapatkannya.

Kini segalanya tiba bagaikan 'pucuk dicita ulam mendatang'. Yassin Kina tersenyum sendirian. Yassin Kina juga sebenarnya bukanlah calang-calang orang. Dia pun bijak dan pandai berpidato seperti Shamsiah. Orangnya segak, tegap dan tinggi – sangat bersesuaian dengan Shamsiah yang juga tinggi lampai.

Dalam hal ini Lebai Maadah tidak tersilap. Dia memadankan pasangan yang 'duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi' dari segi ilmu, kewibawaan mahupun ciri-ciri fizikal.

Shamsiah juga tidak menolak permintaan gurunya untuk dijodohkan dengan Yassin Kina. Tambahan pula ayahnya sangat bersetuju dengan pandangan jauh Lebai Maadah dalam persoalan ilmu dan masa depan sekolah yang diasaskannya.



Encik Mohd. Yassin Kina semasa dalam perkhidmatan polis.

Shamsiah yang serius dengan perjuangan memerdekakan negara dan bangsanya hanya berhajatkan suami yang berilmu dan memahami semangat dan daya juang yang ada dalam dirinya. Dia tidak mengira siapakah yang akan menjadi suaminya. Yang penting ialah kefahamannya terhadap perjuangan Shamsiah.

Shamsiah yang serius dengan perjuangan memerdekakan negara dan bangsanya hanya berhajatkan suami yang berilmu dan memahami semangat dan daya juang yang ada dalam dirinya. Dia tidak mengira siapakah yang akan menjadi suaminya. Yang penting ialah kefahamannya terhadap perjuangan Shamsiah. Mereka bertunang selama tiga bulan. Akhirnya pada 17 Ogos 1941 mereka bernikah. Mereka diijab kabulkan oleh Fakih Sutan sendiri. Shamsiah yang telah mengetahui hukum nikah cuba menolak adat persandingan yang sering diamalkan oleh orang Minangkabau di tempatnya.

Dia menolak kerana tahu hukum persandingan adalah haram di sisi Islam. Dia mahu membetulkan fahaman kebanyakan orang di Kuala Pilah pada masa itu dengan menunjukkan contoh melalui dirinya sendiri. Ketegasan Shamsiah terhadap hal ini diceritakan sendiri oleh bekas suaminya Encik Mohd. Yassin Kina.

Ayah dan ibunya tidak membantah, malah merestuinya. Walaupun ada orang-orang kampung yang memperkatakan hal itu, namun isu tersebut hilang begitu sahaja apabila Shamsiah tidak menghiraukannya.

Selepas berkahwin mereka masih tinggal serumah dengan ayah dan ibu Shamsiah. Kedua-dua mereka menjadi guru di sekolah Lebai Maadah. Mereka berulang-alik dengan menaiki bas ke sekolah yang jauhnya lebih kurang lapan km.

Shamsiah mendapat gaji sebanyak $15 sebulan (lebih kurang $150 sekarang) sementara Mohd. Yassin Kina hanya menjadi tenaga pengajar sukarela di sekolah itu, atas permintaan ayahnya sendiri. Ayahnya yang kaya menyara kehidupan Mohd. Yassin, yang merupakan anak tunggalnya.

Shamsiah dan Mohd. Yassin dalam masa yang sama menyimpan hasrat untuk memasuki Universiti al-Azhar di Mesir. Dengan kelulusan mereka, mereka layak mendapat tempat di universiti tersebut.

Bapa saudara Shamsiah, Ripin di Padang, Sumatera yang tidak ada anak bersetuju membiayai persekolahan mereka berdua. Segala persiapan telah diatur termasuk mendapatkan pasport dan visa. Sayangnya niat mereka terbantut apabila Jepun menakluki Tanah Melayu pada akhir tahun 1941.

Sewaktu Jepun memerintah sekolah Lebai Maadah ditutup sementara. Mereka berdua tidak mengajar lagi. Kehidupan bertambah sukar dan makanan sangat kurang. Dalam masa yang sama lahir anak mereka yang pertama seorang perempuan yang dinamakan Noraini. Setahun kemudian lahir pula anak lelaki bernama Abdul Munir.

Perceraian Pertama Shamsiah

Keadaan hidup zaman Jepun yang sukar, kurang makanan dan zat menyebabkan sejenis penyakit yang serius hingga menyebabkan kematian bermaharajalela sewaktu itu. Penyakit yang dipanggil 'hawar' oleh orang-orang kampung sewaktu itu menyerang mangsa tanpa mengira umur. Dalam sehari dua pasti si penghidap akan meninggal dunia.

Pada zaman yang perit itu kematian seorang demi seorang bukanlah pekara yang ganjil. Mayat bergelimpangan di sana sini, terutama di kalangan bangsa China yang banyak dianiaya oleh Jepun.

Di kalangan mereka yang meninggal itu termasuklah Lebai Maadah. Dia meninggal kerana penyakit tersebut pada tahun 1942. Kehidupan yang semakin hari semakin bertambah sukar menjadikan ramai yang menderita kehilangan pekerjaan dan tidak ada wang untuk menyara hidup. Lebih teruk kerana kekurangan bahan makanan.

Keadaan yang menyulitkan ini menyebabkan keadaan tegang di antara Shamsiah dan Mohd. Yassin. Oleh kerana 'jodoh sudah habis' menurut Encik Mohd. Yassin Kina, mereka pun berpisah dengan cara baik. Perceraian ini berlaku pada bulan Jun tahun 1944. Mohd. Yassin balik ke kampungnya di Kepis, 30 km. dari Kuala Pilah.

Tidak lama kemudian kedua-dua anaknya ini pula meninggal dunia ditimpa penyakit tersebut. Shamsiah terkatung-katung sendirian – pedih dan perit menanggung kekosongan dan kesukaran untuk hidup.

...amsiah mengikut pandangan orang-orang yang terdekat dengannya

... Suami Pertama

...ohd. Yassin Kina mengahwini Shamsiah pada tahun 1941 dan bercerai pada tahun 1944. Enam ...lepas bercerai, beliau mendapat jo... seorang wanita yang lemah-lem... pendiam bernama Sumah bt. ...din; yang berasal dari Kampung ...bol. Tidak lama selepas itu pula ...erjaya mendapat pekerjaan sebagai



...ncik Mohd. Yassin Kina.

...u menetap di Tampin Jaya sehingga pada tahun 1976. Keramahannya ...ikan hatinya menyebabkan dia di... menjadi penghulu daerah Tampin ...empunyai penduduk lebih kurang ...rang.
...an tugas barunya itu beliau terkenal ...h Tampin. Namun tidak ramai yang ...tannya dengan Shamsiah, sehing... ...amanya keluar di akhbar. Perkah... ...edua dikurniakan dengan sembilan ...nak – empat perempuan dan lima

...d. Yassin kini keseorangan setelah ...n isterinya pada tahun 1982. Dia ...kelihatan segak dan sihat dalam ...a kini 66 tahun. Satu hal yang me... ...alam kaitannya dengan Shamsiah ...liau masih mengekalkan hubungan ... dengan bekas ipar-iparnya (adik-Shamsiah Fakih) hinggakan semua ...a turut rapat dengan mereka. ...wakannya yang periang dan ramah ...lahkan kami mewawancara dan ...gkil rahsia perkahwinannya dengan ...ah Fakih 50 tahun yang lalu.

...pak cik mula mengenal Shamsiah

...cik kenal dengan Shamsiah pada ...939 semasa bersekolah di High Is... ...chool, Pelangai. Kami sama-sama ...darjah 9 di sekolah tersebut.

...kah pak cik sekelas dengannya?
...a itu kelas tidak campur-campur. ...satu kelas, perempuan satu kelas.

Masa tu bagaimana pak cik kenal peribadi Shamsiah?
Sesungguhnya dia seorang yang kukuh pegangan agamanya. Perwatakannya pula memang perwatakan seorang pejuang atau ahli politik.

Bagaimana pak cik boleh membuat kesimpulan seperti itu?
Shamsiah pandai berpidato. Kupasannya tentang sesuatu topik itu bernas dan mendalam. Selalunya topik perjuangan bangsa Melayu, agama dan kemerdekaan menjadi pilihannya.

Saya dengar dia berkebolehan menterjemah al-Quran 30 juz?
Ya, dia fasih dan lancar menterjemah al-Quran. Tapi bukan dia seorang sahaja demikian ada beberapa orang lain seperti Khadijah Alip, Maheran, Asmah dan Hendon. Lelakinya Mokhtar Hj. Sidin, Usup Hj. Long, Ustaz Aziz, yang kesemuanya dalam darjah 9. Sekolah itu memang melatih pelajar-pelajarnya supaya boleh menterjemah al-Quran.

Bagaimana pak cik boleh berkahwin pula dengan Shamsiah?
Pak cik berkahwin dengan Shamsiah bukanlah kerana bercinta macam orang sekarang. Kami dijodohkan oleh tuan guru tempat kami belajar – Lebai Maadah. Kami kahwin atas dasar 'taatkan guru'. Dulu konsep 'taatkan guru' ini lain, tidak macam sekarang .... (ketawa besar) sekarang bukan saja murid tidak taatkan guru – anak murid pun berani mengorat guru!

Maknanya Tuan Guru Lebai Maadah memang berkenan sangat dengan pak cik dan sekiranya dijodohkan dengan Shamsiah?
Itu pak cik tak tahulah. Yang pastinya satu malam (dalam tahun 1941) Tuan Guru Lebai Maadah panggil pak cik ke pejabat sekolahnya. Dengan bahasa Arab dia bercakap dengan saya: "Aku mahu nikahkan engkau dengan Shamsiah". Masa tu Shamsiah memang ada di situ. Jadi pak cik kata: "Ustaz nanti saya balik beritahu emak dan ayah dulu." "Bagus, esok pagi awak cuti," katanya. Jadi begitu sahaja caranya.

Jadi pak cik bersetuju sahaja dengan penjodohan tersebut?
Pak cik memang tidak menolak kerana pertama: taatkan guru. Yang kedua: Shamsiah ini memang lawa orangnya, jadi kalau pak cik usaha sendiri belum tentu dapat (ketawa). Hai... anak 'Fakih Godang' ni satu Kuala Pilah, terkenal lawanya. Pendek kata sudah jadi bualan umum di Kuala Pilah; kalau Shamsiah Fakih lalu orang tak menoleh alamat pendek umurlah orang itu." (Ketawa....)

Semasa berkahwin dengan dia, bagaimanakah Shamsiah yang sebenarnya?
Memang seperti peribadi yang saya kenal sebelum kahwin dulu. Dia taat pada guru dan taat pada saya, suaminya, dia panggil pak cik Ustaz ataupun tuan. Kami selalu bercakap Arab di rumah dan sering berbahas tentang hal-hal agama. Pendirian dia terhadap perjuangan kebangsaan dan agama memang jelas dan kuat.

Berapa orang anak pak cik dengan dia?
Dua orang. Seorang perempuan: Noraini dan seorang lelaki Abdul Munir. Kedua-duanya meninggal masa kecil.

Meninggal sebab apa pak cik?
Sakit masa zaman Jepun. Yang tua masa meninggal berumur setahun lebih, yang kecil tu berumur sebulan.

Kalau pak cik tak keberatanlah, macam mana perceraian pak cik dan Shamsiah boleh berlaku?
Jawabnya satu sahajalah. Jodoh dah habis. Kalau nak diceritakan panjang kisahnya.

Selepas bercerai, pak cik mengikuti perkembangannya?
Ya, pak cik tahu dengan siapa dia kahwin selepas pak cik dan perjuangannya yang diteruskan hingga menjadi ketua wanita AWAS dan kemudian masuk ke hutan menjadi anggota komunis.

Pak cik pernah menyangka dia boleh terlibat dengan komunis.
Tidak. Tidak pernah pak cik tahu bagaimana dia boleh masuk komunis ini. Setahu pak ciklah selaku orang paling rapat dengan dia selain ayah, ibu dan suami-suaminya yang lain, Shamsiah begitu kukuh dan keras pegangan agamanya. Tidak mungkin begitu mudah baginya untuk terlibat dengan komunis. Dan pak cik sampai sekarang pun hairan bagaimana dia boleh terus memilih komunis dalam perjuangannya. Itulah soalan pertama pak cik kalau pak cik boleh berjumpa dia sekarang.

Boleh pak cik jelaskan maksud soalan pak cik itu?
Pak cik akan tanya dia "mengapa dia memilih komunis? Bukankah tuan guru kita Lebai Maadah telah mengajarkan kita tentang bahayanya fahaman komunis dan pertentangan komunis dengan Islam."

Apa pandangan pak cik terhadap permintaan Shamsiah untuk kembali ke

Malaysia?

Pak cik fikir dia sepatutnya dibenarkan balik. Dia dah tua dan takkan mengancam Malaysia lagi dengan fahaman komunis. Kalau kerajaan mahu tahan dia kerana kesalahannya masa lalu, tidak mengapa – tahanlah, asalkan dia boleh kembali.


Kalau ditakdirkan buat kali kedua mahukah pak cik berkahwin dengannya? (Ketawa).

Kalau sudah jodoh apa nak dikata. Dia dah bersuami takkanlah pula nak kahwin dua suami ... (Ketawa).

Apa pandangan pak cik dengan empat kali perkahwinan Shamsiah. Sebagai suaminya yang pertama tentu pak cik boleh beri komen. Sebab mengikut orang yang pernah saya wawancara, kata mereka "Shamsiah ini, maaf cakaplah pak cik gilakan lelaki!"

Tak adalah Shamsiah macam tu. Dia tu saya tahu benar bukan dari jenis manusia seperti itu. Dia tu serius orangnya. Dia berkahwin dan bercerai saya fikir kerana masalah perjuangannya. Tak ramai orang boleh faham perjuangannya itu.

Haji Ramli Fakih



Adik yang paling rapat dengan Shamsiah.

Di kalangan saudara kandung Shamsiah yang seramai tujuh orang – Mohd. Nordin, Haji Ramli, Nasiruddin, Rubiah (Arbi), Nuraminah, Darwisah dan Nurbaiti hanya dua orang yang mahu bercakap tentang Shamsiah. Mereka ialah Haji Ramli dan Nasiruddin. Saudaranya yang lain sama ada berhalangan untuk diwawancara kerana sakit atau langsung tidak berminat untuk bercakap apa-apa pun tentang Shamsiah. Malahan ada di antara mereka yang tidak menyenangi kedatangan kami ke rumah mereka.

Mungkin kerana pertalian darah mereka dengan 'Shamsiah seorang komunis' menyebabkan mereka dipandang serong oleh masyarakat setempat. Langsung mereka tidak rela dihampiri dan diwawancara oleh penulis seperti kami. Kebetulan pula kebanyakan adik Shamsiah tidak banyak mengetahui tentang Shamsiah. Sewaktu Shamsiah menghilangkan diri, mereka masih kecil untuk memahami apa yang sebenarnya berlaku.

Haji Ramli yang sememangnya sejak kecil rapat dengan Shamsiah merupakan satu-satunya ahli keluarga yang bersusah payah mengusahakan agar Shamsiah dapat dibawa balik. Dengan jantungnya yang sakit, bersama-sama anak lelakinya Mustafa, dia masih sanggup turun naik pejabat Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Perdana Menteri untuk menghantar sendiri surat rayuannya agar Shamsiah diampunkan dan dibenarkan kembali.

Kini beliau berumur 59 tahun dan mengerjakan sebuah kedai runcit bersama-sama keluarganya – satu-satunya ahli keluarga yang mengikut jejak kerjaya Fakih Sutan. Sewaktu ditemubual, air matanya bergenang. Mungkin sayu mengenangkan kenangan lebih 44 tahun yang lalu bersama-sama kakaknya.

Apa panggilan pak cik terhadap Shamsiah?

Kak Andah. Dan di kalangan anak saya dia dipanggil Mak Andah.

Boleh pak cik beritahu kami tentang peribadi Shamsiah sebagai seorang kakak sulung dalam adik-beradik pak cik?

Dia memang manusia keras hati. Tentang agama pun pegangan dia kuat. Apabila berbuat sesuatu dia sungguh serius, tekun dan cekal. Selain daripada itu dia juga terkenal kerana kelantangannya apabila bersyarah. Sebagai kakak yang sulung dia sering menasihati kami supaya rajin belajar dan tidak membuang masa dengan sia-sia.

Pak cik tahu kegemaran masa lapangnya?

Dia gemar membaca. Sejak kecil lagi saya lihat memang itulah satu-satunya kegemaran dia.

Bagaimana tentang bakat kepimpinannya, adakah sudah kelihatan sejak kecil lagi?

Dari kecil sudah dapat dilihat bakatnya. Ia semakin kelihatan semasa zaman remajanya – cekal dan keras hati, berani, lantang dan pandai menaikkan semangat orang apabila bersyarah. Apabila dewasa bakat kepimpinannya terserlah. Pendek kata seluruh Kuala Pilah tahu kepandaiannya ini.

Kami difahamkan pak cik juga mengikut kakak belajar ke Bagan Serai?

Ya, saya ikut belajar ke sana setelah dia balik ke Kuala Pilah mengajak saya.

Bila agaknya pak cik tahu dia bergiat di dalam politik?

Lebih kurang pada tahun 1946. Sewaktu itu kami dibawa balik oleh ayah ke Kuala Pilah melalui Kuala Lumpur. Semasa singgah di Kuala Lumpur, Shamsiah tidak mahu kembali bersama kami. Lepas itu saya dengar dia telah menganggotai Parti Kebangsaan Melayu Malaya dan menjadi Ketua sayap wanitanya atau AWAS.

Apa perasaan pak cik apabila mendapat tahu dia dilantik sebagai ketua?

Bangga. Dan dia kembali ke Kuala Pilah untuk berceramah. Dia turut mengajak saya dan kawan-kawan menganggotai cawangan lelakinya iaitu API. Saya ikut jadi anggota API bahagian Kuala Pilah.

Bagaimana keadaan dia semasa itu?

Sangat bersemangat. Dia kelihatan begitu bersungguh-sungguh memperjuangkan semangat kebangsaan di kalangan masyarakat Melayu. Pidatonya berapi-api. Pendek kata tak pernah saya lihat seorang perempuan seperti dia semasa itu.

Apa pandangan ayah pak cik?

Ayah sungguh bangga. Dia tidak menghalang Kak Andah malah turut menggalakkannya.

Bila pak cik tahu dia menjadi anggota komunis dan apa perasaan pak cik apabila mengetahuinya?

Pada tahun 1948. Apabila kerajaan British mengharamkan parti tersebut, dia terus hilang. Saya hanya mengetahui dia sudah menjadi anggota komunis apabila terbaca akhbar pada pertengahan tahun 1948. Lepas itu pak cik tidak jumpa dia lagi hingga sekarang. Kami sekeluarga benar-benar terkejut. Kami tidak menyangka dia akan memilih komunis untuk berjuang.

Bagaimana pula penerimaan bapa pak cik?

Dia tidak berkata apa-apa. Yang saya tahu dia tidak nampak khuatir sedikit pun tentang hal itu. Dia percayakan Shamsiah. Katanya, "Aku telah berikan ilmu yang secukupnya kepada Shamsiah, dan dengan ilmu yang ada daku yakin tidak mungkin mudah dia lupakan Tuhan."

Daripada akhbar, saya mendapat tahu Shamsiah ingin kembali dan sering mengutus surat kepada Pak Cik?

Dia mencari keluarga kami melalui akhbar *Utusan Melayu*, pada tahun 1987. Seorang pemberita akhbar tersebut menghubungi saya. Mulanya memang saya tidak pasti. Akhirnya setelah mendapat surat daripadanya barulah saya tahu dia kini berada di China.

Adakah dia memohon untuk kembali?

Dia telah menghantar surat berkali-kali kepada kerajaan Malaysia melalui kedutaan Malaysia di China dan saya membuat permohonan yang sama di sini.

Bagaimana hasilnya?

Kerajaan tidak memberikan kata pemutus. Kami terpaksa menunggu. Dah hampir empat tahun menunggu.

Ramai orang tidak suka dia kembali, terutama askar dan polis, apa pandangan pak cik?

Mereka ada sebab untuk tidak membenarkan dia kembali. Dan saya sebagai saudaranya ada sebab juga untuk melihat dia dapat kembali. Kita boleh mengambil jalan tengah. Kalaulah dia masih bahaya, tahanlah dia buat sementara, kemudian lepaskan dia bebas. Dia sudah tua dan sudah insaf. Janganlah tidak ada sedikit pun ruang pengampunan terhadapnya. Berikanlah kesempatan untuk dia bertemu saudara-saudaranya sebelum dia mati.

Pandangan Kawan Sekolah Shamsiah

Ustaz Abdul Aziz Yunus dan Khadijah Alip merupakan pasangan sekolah yang pertama dikahwinkan oleh Tuan Guru Lebai Maadah. Puan Khadijah Alip sebenarnya sebelum memasuki Sekolah Tinggi Islam



Ustaz Abdul Aziz Yunus

Pelangai merupakan murid terbaik sekolah agama Alor Gajah, Melaka. Apabila masuk ke Sekolah Agama Pelangai dia menjadi penolong Lebai Maadah. Ustaz Abdul Aziz Yunus pula antara murid lelaki Lebai Maadah yang terbaik. Perkahwinan mereka berdua menjadikan impian Tuan Guru Lebai Maadah untuk melihat anak muridnya berkahwin antara satu sama lain – satu kenyataan. Mereka kini tinggal di rumah yang sejak berkahwin. Mereka dikurniakan ... orang anak. Sewaktu ditemui masing-masing mengimbau kenangan 50 tahun lalu.

Bila pak cik dan mak cik mula mengenal Shamsiah Fakih?

Kami berdua sama-sama mengenalnya pada tahun 1939, semasa Sekolah Agama Pelangai dibuka.

Bagaimana perwatakan Shamsiah yang pak cik dan mak cik kenal?

Shamsiah tu cergas serba-serbi, sehingga kelihatan kadangkala seperti lelaki. Kalau bercakap pidato dia memang handallah. Di sekolah ini tidak banyak orang ada berkebolehan seperti itu.

Dia memang pandai berpidato, tapi masa belajar dalam kelas tu, dia agak bengap sedikit. Sebelum belajar di sekolah ini saya dah tamat belajar di Alor Gajah. Sementara Shamsiah masih belum habis belajar.

Betulkah mak cik, dia merupakan wanita pertama di Kuala Pilah yang memakai tudung?

Tak adalah. Mak cik pun pakai juga, semua murid-murid perempuan di kelasnya pakai tudung. Mungkin yang dimaksudkan ialah tudung panjang. Kalau itu memanglah tak ada orang yang pakai macam dia...

Pada peringkat darjah tinggi atau darjah sembilan murid perempuannya lima orang sahaja termasuk mak cik dan dia, tentu mak cik kenal benar dengan dia...?

Yalah kenal gitu-gitu sahajalah, lagipun tak bergaul sangat kami berjumpa dalam satu kelas sahaja belajar. Seperti saya kata tadi dia ni bengap sikit belajar.

Adakah mak cik setuju bahawa dalam ramai-ramai pelajar darjah sembilan tu,



Puan Khadijah Alip

Lebai Maadah memilih pelajarnya yang pandai dan paling disayangi olehnya untuk dikahwinkan. Berapa pasangan masa itu yang dikahwinkannya?

Ya. Dua pasangan. Saya dan Ustaz Aziz, Yassin Kina dan Shamsiah.

Jadi tentulah Shamsiah juga merupakan pelajar pilihan, bijak dan disayangi sebab itu dia merupakan pasangan yang terpilih untuk dikahwinkan...

Ya...begitulah agaknya pandangan Lebai Maadah.

Pak cik bagaimana sistem pembelajaran yang diajarkan oleh Lebai Maadah dulu tu?

Semua murid akan bersedia dengan terjemahan al-Quran, di tempat yang terakhir pelajaran lepas. Apabila Lebai Maadah masuk dia hanya akan berkata hello, hello... maknanya suruh bacalah tu. Maka pelajar lelaki dan perempuan akan berebut membaca. Siapa yang lancar dialah dulu baca apa yang telah dipelajari daripada ayat-ayat Quran tu. Kalau tersangkut saja bacaan, kita kena disaingi oleh pelajar perempuan. Jadi masing-masing awas dan bersemangat. Kadang-kadang sampai tak tidur malam bersedia untuk membacanya esok.

Yang dibacanya terjemahan al-Quran sahaja?

Al-Quran dan hadis. Baca mesti lancar, tak boleh teragak. Teragak saja, perempuan akan potong.

Adakah Lebai Maadah berikan panduan bagaimana terjemahan itu dibuat?

Ada, dia ajar sekali sahaja. Semua orang mesti pasang telinga. Kalau tak dapat dengan sekali ajar dia akan belasah kita dengan rotan semambu.

Kata orang sistem sekolah Lebai Maadah ini lain daripada sekolah lain?

Ya, dia bawa perubahan baru tentang cara terjemahan Quran. Mengikut pendapat lama masa itu, Quran tak boleh diterjemahkan dengan cara harfiah. Padahal cara pengajaran tu lebih baik daripada sistem belajar ikut cara pondok lama. Kalau belajar di pondok lama belum tentu apabila tamat belajar boleh lancar menterjemah 30 juz al-Quran. ●

Sejarah Parti Komunis Malaya

Bahagian II

Apabila Jepun menyerang Malaya pada bulan Disember 1941; PKM menghantar mesej kepada Gabenor Malaya, Sir Shenton Thomas untuk membantu membebaskan Malaya dari Jepun.

PKM memberikan kerjasama ini apabila dasar menentang British berubah kepada menyokong. Ini disebabkan oleh negara induk komunis iaitu Rusia diserang Jerman pada tahun 1941. Rusia berkehendakkan sokongan Britain untuk menang dalam peperangan ini. Ini menyebabkan PKM juga turut mengubah dasar.

Rekrut-rekrut komunis ini kemudian dilatih oleh Force 136 British di Singapura dua bulan lebih sebelum Singapura jatuh kepada Jepun pada 15 Februari 1942. Mereka dibekalkan dengan senjata. Semasa ini Chin Peng atau nama sebenarnya Ong Boon Hua turut sama dalam latihan ini. Mereka berlindung di dalam hutan dan membuatkan Jepun gempar dengan serangan-serangan mengejut mereka.

Golongan MPAJA yang bertempur di dalam bandar bagaimanapun teruk dibelasah oleh Jepun. Hanya mereka yang di dalam hutan sahaja tidak terbabit dalam pertempuran sengit dengan komunis.

Shamsiah Fakih Ke Bagan Serai

Oleh FATINI YAACOB (Bahagian Ketiga)



Kajian kami memperlihatkan riwayat hidup Shamsiah yang mungkin sedikit berbeza daripada orang lain. Kematian kedua-dua orang anaknya tidak menjadikan dia hilang akal. Ketahanan dan ketabahan hatinya luar biasa. Dia memang dilahirkan sebagai pemimpin. Walaupun empat kali berkahwin dan bercerai, dia bukanlah jenis wanita yang menggilai lelaki. Dia telah lama celik tentang kesedaran kebangsaan sebelum wujud Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Dan sewaktu di dalam PKMM terserlah bintangnya sebagai pemimpin.

Shamsiah kini benar-benar menderita. Pertama kerana perceraian. Kedua kerana kematian kedua-dua orang anaknya. Dia seperti kehilangan segalanya. Yang paling ditangisi adalah kematian anak-anaknya. Tidak ada yang dapat menyamai nilai cinta kasihnya kepada kedua-dua orang anaknya itu. Apakan daya semuanya sudah suratan Allah.

Walau apapun Shamsiah terpaksa menerima keperitan dan kepahitan atas kematian anak-anaknya dengan sabar dan tabah. Shamsiah tahu walau berpuluh-puluh tempayan air mata dicurahkan, anaknya tidak akan kembali. Nasibnya baik kerana mendapat keluarga yang memahami. Ibu dan ayahnya banyak menasihati dan membimbingnya.

Shamsiah cuba melupakan kenangan pahit yang menimpanya secara bertimpa-timpa itu. Dia menggunakan masa yang terluang membantu kedai makan kepunyaan kawan baik ayahnya – Pak Ghani. Ayahnya menggunakan kedai ini menumpangkan barang-barang dan ubat-ubatan untuk dijual. Bebanan masalahnya berkurangan dengan kehadirannya hampir setiap hari di kedai itu selepas mengajar.

Menurut maklumat yang diperolehi, tidak lama kemudian Shamsiah berkahwin dengan seorang ahli perniagaan bernama Rusdi. Namun maklumat yang lengkap tentang hal ini tidak dapat diperolehi. Baik adiknya Ramli atau adik angkatnya Hashim Ghani, tidak mengetahui tentang perkahwinan ini secara terperinci.

Hanya bapa dan ibunya menyimpan maklumat ini tetapi mereka sudah meninggal dunia. Dari mana asalnya dan bagaimana Shamsiah berkenal dengannya tidaklah diketahui. Kemungkinan besar Shamsiah bertemu Rusdi sewaktu beliau (Rusdi) mengunjungi kedai makan Pak Ghani di tempat Shamsiah sering berada.

Selepas berkahwin, Shamsiah bersama-sama suaminya pergi ke Bagan Serai pada awal tahun 1945. Di sana, Shamsiah



Koleksi : Manan Chik.

Shamsiah Fakih (berbaju putih) dan isteri Pak Sako, sama-sama memegang sepanduk untuk menghadiri Kongres AWAS di Melaka pada 24.12.1946.

di Madrasah al-Akhlak Islamiah.
ngi. Bagan Serai.
Serai, sebuah perkampungan
mi oleh ramai orang Banjar yang
ai kebiasaan menyelitkan belati
gnya. Sebenarnya ini bukanlah
kan mereka suka bergaduh. Na-
yanya tetap ada sekiranya mereka
h mengawal kemarahan.
nanapun Shamsiah dan suaminya
ghadapi masalah selama tinggal
Serai ini. Hanya yang menjadi
alah keharmonian rumah tangga
idak lagi terjaga. Shamsiah dan
ak dapat menyelamatkan perkah-
ereka.

msiah Bercerai Kedua

hwinan Shamsiah kali ini hanya
ira-kira beberapa bulan sahaja.
erceraian mereka mungkin daripada
cita-cita dan matlamat hidup.
ebagai ahli perniagaan sudah tentu
rkan hal-ehwal perniagaan dan
gan sebagai matlamat hidupnya.
ngkan Shamsiah, sebagai orang
gan sudah tentu tidak terlalu memi-
persoalan wang dan harta benda
matlamat hidup. Baginya kekayaan
nya ialah apabila bumi Malaya
aripada penjajah. Dan sebagai se-
ejuang bangsa, sudah tentu Sham-
dak mengizinkan apa pun meng-

Untuk memastikan kebenaran berita yang disampaikan oleh kawan-kawannya tentang Shamsiah, Wahi Annuar mengambil keputusan untuk mengikuti ceramah yang disampaikan oleh Shamsiah pada suatu malam, di sebuah kampung di daerah Padang Rengas.

ganggu semangat perjuangannya.

Mungkin inilah sebab utama perceraian Shamsiah. Sewaktu memilih antara dua – perkahwinan atau perjuangannya, tidak mudah Shamsiah mengubah pendirian dan perjuangannya. Jadi Shamsiah lebih rela melepaskan perkahwinannya. Buat kali kedua Shamsiah bercerai.

Perkahwinan yang sekejap ini tidak menghasilkan cahaya mata. Kini dia sendirian lagi dalam menjalani hidup yang penuh pancaroba dan perjuangan yang belum menampakkan hasil. Berbeza dengan perceraiannya yang pertama, perceraiannya kali ini tidak banyak mengganggu fikirannya.

Shamsiah Berceramah

Kini Shamsiah semakin matang menghadapi lelaki dan menghadapi hidup. Dia sudah belajar memahami kedua-duanya melalui cara praktikalnya sendiri. Kedua-dua perkahwinannya yang gagal ternyata banyak mengajarnya mengenali lelaki.

Dia tidak kesal malah menerimanya sebagai suatu takdir. Kini Shamsiah tidak mahu lagi tenggelam dalam emosi dan kesibukan memikirkan tentang lelaki dan cinta mereka terhadapnya. Shamsiah sudah nekad untuk menumpukan sepenuh perhatian terhadap perjuangan menyedarkan anak bangsanya tentang kemerdekaan dan pembebasan diri daripada penjajah.

Kepetahannya berpidato dan kebernasan isi ucapannya tidak sahaja menarik minat anak murid dan guru-guru di sekolah agama Masjid Tinggi itu, malahan khabar tentang kebolehannya itu merebak di kalangan masyarakat setempat.

Bermula daripada satu ceramah pada satu malam di sebuah kampung sempena meraikan maulud Nabi, Shamsiah mula menjadi penceramah undangan di merata tempat. Masa Shamsiah kini penuh diisi



Tunjuk perasaan PKMM di Melaka pada tahun 1946 yang memperlihatkan semangat nasionalisme orang Melayu terhadap tanahairnya.

dengan ceramah ke sana sini. Dan namanya semakin dikenali di sekitar Bagan Serai.

Khabar tentang kepetahan beliau berhujah dengan semangat yang berapi-api untuk membebaskan Tanah Melayu daripada penjajah mendapat perhatian beberapa orang bekas ahli Kesatuan Melayu Malaya (KMM), yang dipimpin oleh Ibrahim Yaakob. Di antara mereka termasuklah Mohd. Noor bin Haji Awang atau lebih dikenali sebagai Wahi Annuar di dalam parti.

Untuk memastikan kebenaran berita yang disampaikan oleh kawan-kawannya tentang Shamsiah, Wahi Annuar mengambil keputusan untuk mengikuti ceramah yang disampaikan oleh Shamsiah pada suatu malam, di sebuah kampung di daerah Padang Rengas.

Terpegun Wahi Annuar melihat Shamsiah dan kepetahannya berhujah. Terbetik di dalam hatinya 'Sungguh bagus pidato perempuan ini, tak pernah aku jumpa seorang wanita sepertinya. Gayanya sahaja sudah menampakkan bakatnya sebagai seorang pemimpin.'

Sebagai seorang bekas ahli politik, sudah pasti Wahi Annuar dapat melihat bakat semula jadi seorang pemimpin di dalam diri Shamsiah. Dan dia percaya Shamsiah boleh dipelawa menganggotai parti politik yang memperjuangkan nasib orang Melayu seperti KMM. Dan dia percaya dengan bakat yang ditunjukkan itu, Shamsiah akan lahir sebagai seorang pemimpin besar wanita di Tanah Melayu.

Koleksi : Manan Chik.

Satu laporan akhbar *Suara Rakyat* pada tahun 1949, mengenai penyelewengan belanjawan penjajah Inggeris yang dikatakan bertujuan membunuh rakyat Malaya.

Shamsiah Mengambil Adiknya di Kuala Pilah

Setelah beberapa bulan tinggal di Bagan Serai dengan aktiviti ceramahnya, dia kini mendapat kepercayaan daripada penduduk setempat. Mereka sudah dapat menerima kehadiran Shamsiah dan perjuangannya. Mereka sudah dapat menerima kelainan Shamsiah berbanding dengan wanita-wanita yang lain. Shamsiah kini berasa tenteram dan tenang, tidak seperti sewaktu dia mula-mula tiba dahulu.

Bagaimanapun ayahnya Fakih Sutan, amat risau memikirkan keadaan Shamsiah seorang diri. Tambahan pula dengan gelaran janda buat kali kedua sepertinya.

Dia kemudian memutuskan supaya adik Shamsiah, Ramli dan anak angkatnya yang bernama Hashim Ghani bersekolah di Masjid Tinggi, Bagan Serai. Selain bersekolah, mereka boleh menjadi peneman Shamsiah di sana.

Fakih Sutan menulis surat meminta Shamsiah kembali ke Kuala Pilah semasa cuti sekolah yang akan datang. Shamsiah akur atas perintah ayahnya. Dia kembali ke Kuala Pilah untuk membawa kedua-dua adiknya itu ke Bagan Serai.

Menurut Hashim Ghani, mereka berdua dibawa ke Bagan Serai oleh Shamsiah pada pertengahan tahun 1945. Mereka kemudian menyewa sebuah rumah milik Pak Sabri dan isterinya yang dikenali di kampung itu sebagai Pak Su dan Mak Su sahaja.

Ramli dan Hashim belajar di sekolah yang sama di mana Shamsiah mengajar. Mereka berdua pula rajin berusaha mencari wang membiayai persekolahan. Mereka menjual bubur kacang di sebuah kedai lain yang berdekatan dengan rumah sewa mereka.

Bubur kacang ini disediakan sendiri oleh Hashim Ghani dan Ramli sementara Shamsiah hanya menolong-nolong apa yang perlu. Berkat kerajinan mereka dapatlah mereka berjimat dan menyimpan wang untuk persekolahan mereka.

Shamsiah Didatangi Orang PKMM

Setelah lebih kurang tiga bulan tinggal di Bagan Serai, pada suatu hari sewaktu mereka bertiga berehat-rehat di ruang tamu rumah sewa mereka, Hashim Ghani melihat sebuah lori kecil berhenti di hadapan rumah mereka.

Di atas lori tersebut tiga buah bendera berkibar. Satu berwarna merah putih – bendera Indonesia, di tengahnya bendera bercap tukul besi – bendera komunis dan satu lagi bendera merah putih juga iaitu bendera PKMM. Di dalam lori itu kelihatan dua orang wanita dan dua orang lelaki.


Salah seorang daripada lelaki di dalam kereta itu dikenali kemudiannya oleh

Ghani sebagai Wahi Annuar, se-
beritahu oleh penduduk kampung

udian beliau melihat seorang wanita
emakai sari dan seorang wanita
erceongsam turun daripada lori itu,
ke rumah mereka. Shamsiah
awa mereka masuk. Hashim Ghani
sti sama ada Shamsiah mengenali
atau tidak.
lah masuk ke rumah, Shamsiah
kan maksud kedatangan mereka.
menjelaskan harapan untuk meng-
hamsiah bersama-sama mereka

Shamsiah tercengang. Dia tidak menyangka kedatangan orang-orang tersebut ke rumahnya mendatangkan masalah kepada orang-orang kampung. Dia tidak ada pilihan lain, lalu menolak jemputan mereka yang datang dengan memberikan alasan yang munasabah dan mengiringi mereka keluar daripada rumahnya dengan segera.

Orang ramai yang mengelilingi lori tersebut beredar perlahan-lahan sebaik sahaja mereka keluar daripada rumah Shamsiah. Rupa-rupanya barulah mereka sedar sebab sebenarnya orang-orang kampung tersebut keluar dengan wajah yang marah. Mereka tidak menyangka Shamsiah yang terkenal sebagai seorang ustazah boleh membenarkan orang kafir masuk ke rumah orang Islam!



mad Boestamam Ketua Pemuda PKMM, sedang berucap di suatu perjumpaan.

eri ceramah politik di sebuah kam-

a masa yang sama Hashim Ghani
tidak tenteram kerana dia melihat
orang kampung keluar mengelilingi
n seorang dua kelihatan meninjau-
rumah Shamsiah. Mereka kelihatan
-marah dan seperti hendak menga-

k Su Sabri tuan rumah mereka turun
aman untuk memastikan apakah yang
ni oleh orang ramai tersebut. Pak Su
dian kembali ke atas rumah dan
eritahu Hashim dan Ramli apa yang
utkan orang-orang kampung tersebut.
ereka terdiam. Ramli memanggil
siah dan membisikkan kepada Sham-
tentang reaksi negatif orang-orang
ung dengan kedatangan orang-orang
ut ke rumah mereka. Mereka meminta
siah tidak menuruti orang-orang itu
keselamatan dan ketenteraman orang-
g kampung.

Shamsiah menyatakan keengganannya untuk pulang ke Kuala Pilah. Dia memberi alasan kepada ayahnya untuk berjuang di dalam parti kebangsaan Melayu untuk mencapai kemerdekaan. Fakih Sutan tidak menghalang, malah merestui kemahuan anaknya.

Shamsiah Diminta Pulang ke Kuala Pilah

Keadaan masyarakat yang tidak menyenangkan itu menyebabkan Hashim Ghani dan Ramli tidak tenteram untuk terus tinggal lama di situ. Mereka memberitahu Shamsiah dan meminta dia memikirkan dengan mendalam sebelum tinggal lama di situ. Keadaan masyarakat seperti itu tidak memberikan banyak ruang kepada mereka untuk bergerak bebas. Shamsiah tidak memikirkan hal tersebut seserius adik-adiknya itu. Dia percaya Allah akan bersama-samanya selagi dia benar. Oleh itu dia meminta mereka jangan menghiraukan orang-orang kampung tersebut.

Bagaimanapun mereka tidak berputus asa. Mereka tahu hanya ayahnya sahaja yang dapat memberikan kata putus terhadap hal tersebut. Hashim Ghani menulis surat dan meminta Fakih Sutan datang ke Bagan Serai. Surat itu ditulis tanpa pengetahuan Shamsiah.

Fakih Sutan terkejut mendapat khabar yang tidak disangka-sangka itu. Baginya soal sekecil itu tidak sepatutnya menjadi masalah bagi orang-orang kampung tersebut.

Dia tidak tahu begitu sempit pemikiran dan ceteknya tanggapan mereka berhubung dengan hal-hal 'furuk' seumpama itu. Dia serta-merta pergi ke Bagan Serai untuk melihat keadaan tersebut. Shamsiah terkejut melihat ayahnya tiba-tiba sampai ke rumah mereka, dua hari selepas kejadian tersebut.

Setelah diberitahu kedudukan sebenarnya dan bahayanya mereka berada di situ dengan keadaan masyarakat yang sedemikian, Shamsiah diam. Mereka berbincang anak-beranak mengenai masalah tersebut. Mereka bersetuju untuk balik sahaja ke Kuala Pilah.

Walaupun terasa berat hati Shamsiah untuk mengikut ayahnya kembali ke Kuala

Pilah, namun dia tidak sanggup lagi berhujah dengan ayahnya. Dia terpaksa mengemas segala barang-barangnya dan mengucapkan selamat tinggal kepada sekolah agama Masjid Tinggi dan Bagan Serai.

Bagaimana pun sebelum kembali ke Kuala Pilah, ayahnya mengajak mereka ke sekolah agama Al-Mashoor Pulau Pinang. Dia mahu meninjau kemungkinan mereka boleh bersekolah di sana.

Bagaimanapun mereka hanya tinggal selama dua malam sahaja di sana. Hashim Ghani dan Ramli tidak mengetahui apakah sebab sebenarnya bapa tidak mahu mereka bersekolah di situ. Mungkin kerana kawannya tidak dapat ditemui semasa mereka di sana.

Sekali lagi dalam perjalanan pulang ke Kuala Pilah, mereka singgah ke tempat lain. Kali ini di Kuala Lumpur. Mereka bermalam di rumah saudara sebelah ibu Shamsiah di Kajang.

Semasa di sinilah Shamsiah menyatakan keengganannya untuk pulang ke Kuala Pilah. Dia memberi alasan kepada ayahnya untuk berjuang di dalam parti kebangsaan Melayu untuk mencapai kemerdekaan. Fakih Sutan tidak menghalang, malah merestui kemahuan anaknya.

Menurut Hashim Ghani, hanya di sinilah baru Shamsiah memberitahu mereka bahawa dia sudah menjadi anggota Parti Kebangsaan Melayu Malaya atau PKMM sejak berada di Bagan Serai. Dan dia singgah di Kuala Lumpur ini dengan tujuan untuk bergiat aktif di dalam parti tersebut setelah ibu pejabat PKMM berpindah ke Kuala Lumpur dari Ipoh. Menurut Hashim Ghani pekara ini berlaku lebih kurang pada awal tahun 1946.

Dalam masa yang sama Shamsiah mengajak kedua-dua orang adiknya itu menganggotai parti tersebut di bahagian sayap pemudanya – Angkatan Pemuda Insaf atau API di bahagian Kuala Pilah. Hasrat kakak mereka itu dipersetujui setelah Shamsiah meyakinkan mereka bahawa perjuangan ini perlu dan penting untuk *survival* orang Melayu dan kemerdekaan daripada penjajahan.

Dengan janji akan bekerja kuat untuk kepentingan parti di Kuala Pilah, mereka pun berpisah dengan kakaknya. Tidak lama selepas itu Hashim Ghani mendapat tahu Shamsiah sudah menjadi Ketua Bahagian Wanita parti atau dikenali sebagai AWAS.

Shamsiah mengikut pandangan orang-orang yang terdekat dengannya

Ustaz Hashim Ghani,

Banyak Simpan Maklumat Tentang Shamsiah

Ustaz Hashim Ghani sangat rapat dengan keluarga Shamsiah terutama dengan Fakih Sutan yang mengambilnya sebagai anak angkat. Ustaz Hashim Ghani turut sama belajar di High Islamic School bersama-sama adik Shamsiah, Ramli. Setelah tamat belajar di sekolah tersebut dia belajar di Sekolah Agama al-Mashoor, Pulau Pinang.

Sekembalinya dari sana dia membantu Samad Idris (sekarang Tan Sri Samad Idris, bekas Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan) dan menulis untuk akhbar *Majlis*. Kemudian dia bekerja sebagai pemberita akhbar *Berita Harian*, sehingga berhenti pada tahun 1977.

Ustaz Hashim Ghani lebih dikenali di daerahnya sebagai pengetua 'madrasah tengah sawah', Kuala Pilah. Madrasah ini menempatkan pelajar-pelajar dari seluruh Malaysia untuk pengajian al-Quran secara harfiah, ilmu yang diwarisi daripada tuk gurunya Lebai Maadah.

Madrasah ini didirikan pada tahun 1953. Sehingga kini Ustaz Hashim dalam usianya 63 tahun masih gigih meneruskan pengajaran di madrasah ini walaupun dengan segala kekurangan dan kedaifan wang ringgit. Berikut adalah wawancara kami dengan beliau.

Sejak bila Ustaz mengenali keluarga Shamsiah?

Sejak sekolah Lebai Maadah dibuka. Ayah saya dan Fakih Sutan memang bersahabat baik. Mereka sama-sama berada di dalam gerakan fahaman yang digelar kaum muda itu.

Bagaimana hubungan ustaz dengan ahli-ahli keluarga Shamsiah?

Kami rapat seperti adik-beradik. Fakih Sutan menganggap saya seperti anaknya sendiri. Shamsiah pula bagi saya seperti kakak saya sendiri. Saya kenal rapat dengannya semasa dia berumur dalam 20 tahun. Sewaktu itu saya fikir Shamsiah telah pun bercerai dengan Mohd. Yassin Kina. Kebetulan pula dia selalu datang ke kedai ayah saya di pekan Kuala Pilah.

Shamsiah merupakan anak kesayangan ayahnya. Siapa yang tak sayang kalau anak sukakan ilmu. Adik-beradiknya yang lain tidak pula berminat dengan ilmu seperti dia walaupun pendedahan yang sama diberikan kepada mereka.

Sejak bila ayah ustaz membuka kedai?

Kedai ini dibuka semasa zaman Jepun. Kedai ini disewa oleh ayah saya, dan Fakih Sutan menumpang meletakkan barang-barang jualannya di kedai ini. Di atas kedai ada bilik-bilik untuk keluarga kami dan keluarga Fakih Sutan. Shamsiah selalu juga datang ke kedai ini.

Bagaimana pandangan ustaz terhadap Shamsiah pada masa itu?

Pada masa itu saya perhatikan Shamsiah sukakan ilmu dan sentiasa berbahas dengan ayahnya dalam hal-hal agama. Ayahnya saya lihat sangat suka apabila Shamsiah berbahas menggunakan dalil-dalil daripada ayat al-Quran dan hadis. Shamsiah juga merupakan anak kesayangan ayahnya. Siapa yang tak sayang kalau anak sukakan ilmu. Adik-beradiknya yang lain tidak pula berminat dengan ilmu seperti dia walaupun pendedahan yang sama diberikan kepada mereka.

Kami difahamkan, ustaz bersama adiknya Ramli mengikut Shamsiah ke Bagan Serai, tidak lama kemudian balik ke Kuala Pilah. Adakah semasa di Bagan Serai Shamsiah sudah memasuki PKMM?

Itulah yang saya tidak tahu, sama ada Shamsiah sudah memasuki PKMM sejak di Bagan Serai iaitu semasa PKMM diasaskan penubuhannya di Ipoh atau sewaktu di Kuala Lumpur. Tetapi semasa tinggal sekejap di Bagan Serai, saya cam wajah Wahi Annuar kerana selepas itu dia ikut berceramah di Kuala Pilah. Tak mungkin orang mencari Shamsiah kalau

dia belum jadi ahli PKMM semasa itu. Tapi tak taulah, itu agakan saya sahaja.

Bila ustaz tahu dia menganggotai PKMM?

Semasa singgah di Kuala Lumpur dia membayangkan perlunya kita menganggotai parti yang membela nasib orang Melayu. Apabila balik ke Kuala Pilah saya dengar khabar dia sudah jadi Ketua Bahagian Wanita PKMM atau digelar AWAS.

Ustaz tidak bertemu dengan dia selepas itu?

Ada, banyak kali. Dia balik ke Kuala Pilah berceramah. Dia berjumpa kami – saya dan Ramli dan mengajak kami menganggotai API sayap pemuda di dalam PKMM. Dan kami ikut bersetuju.

Bagaimana keadaan dia semasa itu?

Saya ikut mendengar ceramah politik menyedarkan orang Melayu tentang perjuangan kemerdekaan yang disampaikan olehnya. Dia tetap berceramah berapi-api dan bersemangat seperti Shamsiah Fakih yang saya kenal. Yang berbeza kini dia milik orang ramai. Dia kini seorang pemimpin yang memiliki semangat dan daya juang yang tinggi. Saya sangat bangga dan menghormati kejayaannya.

Bagaimana penerimaan keluarganya, terutama ayahnya?

Fakih Sutan kelihatan sangat bangga dengan kelebihan yang ada pada Shamsiah. Dia merestui perjuangan Shamsiah, yang juga merupakan perjuangan yang telah dijiwainya sejak lama lagi.

Ustaz mengenali Shamsiah begitu rapat, ustaz juga ikut terlibat dan memahami perjuangan PKMM dan menjadi ahli API, bagaimanakah Shamsiah boleh terdorong melibatkan diri dengan komunis dalam perjuangannya?

Dia adalah pejuang kebangsaan tulen. Saya tahu dia bukan berniat untuk memperjuangkan ideologi komunis. Dia bersungguh-sungguh berjuang untuk kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajah. Dia masuk ke hutan pun kerana tidak mahu ditangkap British. Dia percaya dia boleh menentang British dari dalam hutan. Agak saya semasa dalam hutan, dia terpengaruh dengan komunis sedikit demi sedikit. Sebagai seorang pemimpin besar di luar dan di dalam hutan sudah pasti dia tidak boleh meninggalkan hutan semudah orang lain. Mungkin juga dia tidak sanggup tinggalkan hutan kerana kepercayaan orang bawahan terhadapnya. Pendek kata keadaan dan masa mempengaruhi dia untuk membuat keputusan terus tinggal di hutan dan menyertai komunis.

Bagaimana ustaz fikir tentang amalan-amalan agamanya semasa di dalam hutan dan setelah menyertai komunis?

Mungkin Shamsiah meninggalkan amalan-amalan atau ibadat semasa di dalam hutan atau mungkin juga dia tetap mengamalkannya. Itu kita tidak tahu. Tapi nampaknya dari mula dia masuk hutan sehingga kini iaitu selama 43 tahun; dia lebih lama di dalam komunis daripada Islam. Bagaimanapun saya percaya orang-orang Islam yang komunis akan tetap kembali kepada Islam pada suatu masa nanti. Shamsiah saya fikir masih mengaku Allah tetap ada.

Mengapa ustaz ingat Shamsiah ingin pula balik ke Malaysia?

Ini sudah tentu, sebab dia kini sudah tua, sudah berhenti daripada perjuangan, mempunyai banyak masa untuk berfikir terhadap apa yang telah dilakukannya. Kini dia insaf dan mahu balik menjenguk tanahairnya.

Sudah tentu ibu dan ayah Shamsiah tahu perjuangannya dalam komunis. Selaku orang yang rapat dengan Shamsiah dan keluarganya, adakah ustaz tahu sebarang reaksi daripada ibu bapanya?

Ayahnya pernah menyatakan bahawa dia percaya Shamsiah tahu apa yang dia buat; katanya dia telah memberikan Shamsiah ilmu dan agama sebagai panduan hidup. Sudah tentu Shamsiah tahu menjaga dirinya. Ibu dan bapanya bagaimanapun tidak percaya Shamsiah itu komunis.

Bagaimana keadaan Shamsiah sekiranya dia kembali?

Saya rasa dia akan minta maaf dan sanggup menerima apa sahaja hukuman yang kerajaan akan kenakan. Dia sanggup terima apa sahaja sekarang. Dan saya fikir Shamsiah telah bertaubat dan tidak akan melibatkan diri dalam apa-apa perjuangan lagi. Dia akan menghabiskan hayatnya dengan kembali kepada agama. Saya sendiri boleh membantu dan menasihatkannya sekiranya dia kembali ke Kuala Pilah. ●

Datin Sakinah Junid

Kawan Sekolah Shamsiah dan Wanita Berani di dalam PKMM

Datin Sakinah Junid dibariskan dalam senarai pemimpin wanita terkenal sejak peringkat awal penubuhan PKMM di Ipoh. Dia merupakan ketua AWAS cawangan Perak. Allahyarham Ahmad Boestamam Ketua Pemuda PKMM atau API, mengagumi semangat dan kegigihan Datin Sakinah.

Peristiwa yang menyebabkan rasa kagumnya ialah semasa Datin Sakinah dengan lantang dan penuh semangat, berjaya menggerakkan beratus-ratus wanita yang sedang menunggu bas, berjalan kaki sahaja sejauh 10 km untuk menghadiri perhimpunan di Padang Rengas; setelah bas yang dijadualkan tiba tidak diberi permit oleh pihak British.

Sepanjang perjalanan di tengah panas terik itu, mereka bernyanyi dengan lagu-lagu yang menaikkan semangat. Dan Datin Sakinah pasti dikenang oleh ramai orang kerana peristiwa bersejarah ini.

Dalam hubungannya dengan Shamsiah, Datin Sakinah mengenali Shamsiah sejak bersekolah. Datin Sakinah merupakan pelajar *senior* dua tahun daripada Shamsiah, di sekolah agama Padang Panjang, Sumatera. Beliau rapat dengan Shamsiah apabila sama-sama aktif di dalam AWAS – pada tahun 1946 - 1948.

Berusia lewat 60-an, beliau kini tinggal di Kuala Lumpur bersama-sama suaminya Dato' Haji Asri Muhammad dan anak-anak.

Berikut adalah inti sari wawancara kami dengannya:

Bila mak cik mula mengenal Shamsiah?

Mak cik mula mengenal dia semasa bersekolah di Padang, Sumatera dulu. Bagaimanapun mak cik tidak sekelas dengannya. Mak cik agak dia lebih muda daripada mak cik. Oleh kerana tidak sekelas, mak cik tidak berapa bergaul sangat dengan dia. Kalau tak salah mak cik dia aktif dalam Pandu Puteri sebab itu kami kenal agak rapat.

Bagaimana peribadi Shamsiah yang mak cik kenal sewaktu itu?

Shamsiah ternyata sangat kasihkan tanahair. Sewaktu menyanyikan lagu 'Indonesia Raya' setiap pagi kelihatan dia begitu bersemangat.

Bagaimana tentang pidato, kata orang Shamsiah sangat petah berpidato. Adakah kebolehan ini ketara semasa di sekolah tersebut?

Kalau masa sekolah dulu tu tak ada nampak sangat. Dia kelihatan macam budak biasa sahaja. Mungkin pasal mak cik tak berapa rapat sangat kerana tidak sekelas. Barangkali juga dia menyimpan minat berpidato ini sejak sekolah di sana, kerana di sekolah itu selalu ada latihan pidato atau bahas. Yang mak Cik tahu dia memang



Sakinah Junid.

seorang budak yang mempunyai semangat dan keazaman.

Saya tertarik dengan sukatan pelajaran di sekolah agama Rahmah al-Yunusi di Padang Panjang. Adakah sekolah-sekolah di Tanah Melayu masa itu yang setaraf dengan sekolah tersebut dalam usaha menyebarkan semangat kebangsaan?

Di Malaya mak cik tak tahulah. Seingat mak cik tidak ada tokoh-tokoh pejuang kebangsaan daripada kalangan wanita. Yang lelaki adalah. Lagipun mak cik tengok tak berapa ada sekolah-sekolah yang menanamkan semangat kebangsaaan begini. Cara pendidikan nak menyedarkan orang Melayu di Tanah Melayu melalui sekolah memang tak ada. Sebab itu kita lambat sedar dan lambat merdeka berbanding dengan Indonesia.

Semasa di dalam parti pula, bila mak cik mula berjumpa Shamsiah?

Mak cik ingat mak cik berjumpa dengan Shamsiah semasa dia pergi kursus dengan Boestamam di Padang Rengas, akhir tahun 1945. Kemudian mak cik jumpa dia semasa kongres AWAS di Kajang. Masa itu mak cik jadi pengerusi tetap persidangan itu. Shamsiah pula sebagai Ketua Umum AWAS.

Bagaimana Shamsiah di dalam parti?

Sudah tentu dia berbeza daripada masa sekolah dulu. Dia dah ada semangat dan keazaman mahu merdekakan Tanah Melayu. Nampaklah dia lebih lantang dan hebat daripada masa sekolah dulu. Tambahan pula tak ada wanita yang boleh bersyarah seperti dia waktu itu. Jadi oleh kerana tak ada enggang, Shamsiah yang umpama belalang waktu itu pun bolehlah terbang juga. Memang boleh nampak tokoh pemimpin dalam dirinya.

Macam mana mak cik mentafsirkan matlamat perjuangan Shamsiah sehingga akhirnya terpesong dan menjadi komunis pula?

Mak cik rasa mereka yang masuk hutan seperti Shamsiah tu, mereka bukan berniat nak masuk komunis. Mereka cuma nak bekerjasama dengan komunis sahaja. Tentang menganut fahaman komunis tu mak cik fikir tak ada; sebab mereka tu ada ilmu agama. Cuma kerana perasaan cintakan tanahair mereka rela masuk hutan dan berjuang dari dalam hutan.

Tidak ke semasa di dalam hutan tu mereka terpengaruh dengan komunis?

Itu pun mak cik tak faham tapi rasanya tidak mustahil mereka terpengaruh. Boleh jadi pemimpin-pemimpin komunis ini ambil kesempatan membangkitkan semangat terhadap perjuangan kebangsaan ini.

Mereka boleh kembali ke pangkal jalan kalau sudah terasa diperalatkan oleh komunis, mengapa mak cik fikir Shamsiah tidak keluar daripada hutan setelah sedar pengaruh komunis?

Mak cik fikir dia sedar tapi dia dah terlajak barangkali. Jadi susah nak undur diri.

Bagaimana hasratnya untuk kembali ke Malaysia, apa komen mak cik?

Kalau dia dah insaf, eloklah benarkan dia balik. Dia dah tua, lagipun kalau Musa Ahmad dapat diterima balik, mengapa Shamsiah tidak boleh? Apa pula lain dia daripada Musa? ●

Aishah Hussien

Shamsiah Mengambil Alih Ketua AWAS Daripada Aishah Ghani

Aishah Hussien dilingkungi orang-orang yang bersemangat kebangsaan. Daerah kampungnya – Hulu Langat – memang merupakan kawasan *hot spot* semangat kebangsaan pada tahun-tahun sebelum darurat.

Dua orang abangnya merupakan orang kuat API dan PKMM daerah Hulu Langat. Pucuk pimpinan PKMM seperti Dr. Burhanuddin Helmy, Ahmad Boestamam dan Ishak Hj. Muhammad (Pak Sako) kerap mengunjungi daerah Hulu Langat. Turut bersama mereka ialah Shamsiah Fakih.

Semasa dalam tahun-tahun perjuangan ini, ramai di antara pejuang berkahwin sesama sendiri. Bagaimanapun Aishah Hussien hanya berkahwin dengan Pak Sako pada tahun 1953 selepas Pak Sako keluar tahanan. Malangnya mereka tidak ada anak hasil daripada perkahwinan ini.

Dalam usianya 63 tahun, Aishah Hussien kini menetap di Batu 10, Hulu Langat bersama-sama Pak Sako. Kenangan lebih 45 tahun yang lalu kami cungkil kembali. Inilah inti sari wawancara kami:

Bila mak cik mula kenal dengan Shamsiah Fakih?

Semenjak dia menjadi ketua AWAS. Sebelum itu Ketua AWAS ialah Aishah Ghani (sekarang Datin Paduka). Bila Aishah Ghani berhenti dia dan pimpinan PKMM mencari seorang ketua bahagian wanitanya. Jadi Shamsiah Fakih sanggup. Khabarnya hanya sembilan bulan Aishah Ghani dengan Parti Kebangsaan, sebelum Shamsiah Fakih mengambil alih.

Macam mana Shamsiah yang mak cik kenal?

Dia seorang yang pandai berpidato, seorang yang peramah, merendah diri, pendek kata sederhana. Kadang-kadang kami tidur bersama-sama semasa buat kerja dalam parti. Di mana-mana dia boleh bawa diri dia, kerana dia dah biasa susah.

Apa agaknya pengalaman yang boleh diingat ketika berjuang bersama-sama dia tu dalam parti?

Saya ingat lagi Shamsiah kata dia terima tanggungjawab sebagai ketua umpama akar. "Saya bukan pandai sangat, saya seperti akar, tak ada rotan akar pun berguna. Saya

...lah belajar." Dia juga ada menyebut-sebut tentang perjuangan parti kebangsaan ... Kata dia "perjuangan kita ni panjang ...nya. Bukan makan masa yang sekejap".

Apa pengalaman pahit dalam perjuangan menyedarkan orang Melayu masa itu?

Ada mak cik dan jawatankuasa termasuk Shamsiah jalan tiga empat km., di Sg. Long, ... di balik bukit, untuk mencari ahli, menyedarkan rakyat. Kita wanita pada masa ... jauh ke belakang kalau dibandingkan dengan laki-laki.

Jalan kaki masuk ke dalam itu?

Jalan kaki. Tapi tidak pula rasa sebagai pengalaman pahit, malah seronok pula, kita orang-orang muda, sambil berjalan sambil bergurau, sampai bernyanyi, sambil-sambil ... sampai. Masa itu mak cik dah kahwin, ...kan dengan Pak Sako, orang lain. Masa ...kan belasan tahun dah ikut kata ibu ... dah kahwin.

Bagaimana timbul kesedaran untuk berjuang dalam parti, ada orang beri galakan?

Dulu masa parti ini ditubuhkan, orang laki-laki berkewajipan membawa masuk keluarga terdekatnya dalam parti. Macam mak cik oleh kerana tak ada suami, abang mak cik dua orang tu yang ajak mak cik bergiat dalam parti.

Mak cik menjadi jawatankuasa sama dengan Shamsiah dalam AWAS, apakah untuk program yang diatur oleh Shamsiah bersama-sama jawatankuasa dalam usaha menyedarkan orang-orang kampung?

Shamsiah mengatur program kesedaran untuk wanita-wanita kampung agar maju daripada segi pemikiran dan keilmuan. Wanita-wanita kampung ini mesti dididik supaya mengenal dunia luar, bukan sekadar ceruk dapur mereka sahaja. Shamsiah mengatur kelas-kelas belajar menulis dan membaca untuk wanita buta huruf, kelas-kelas memasak dan kelas-kelas menjahit, kelas-kelas berhias diri agar wanita-wanita kampung ini boleh bawa diri di dalam majlis di mana saja.

Shamsiah mengatur program kesedaran untuk wanita-wanita kampung. Shamsiah mengatur kelas-kelas belajar menulis dan membaca untuk wanita buta huruf, kelas-kelas memasak dan kelas-kelas menjahit, dan kelas-kelas berhias diri agar wanita-wanita kampung ini boleh bawa diri di dalam majlis di mana saja.

Apa usahanya terhadap mendekatkan wanita dengan bidang ilmu dan maklumat?

Tiap-tiap orang disuruh membeli suratkhabar untuk yang tahu membaca, supaya mereka boleh mengetahui persoalan sekeliling dunia.

Saya difahamkan wanita masa itu merupakan orang-orang yang banyak berjasa kepada parti kerana pandai mengumpul wang untuk kepentingan parti. Bagaimana mereka boleh mendapatkan wang yang banyak untuk parti?

Kita sedar orang-orang kampung manalah banyak duit. Jadi cara yang kami lakukan ialah melalui sistem berdikit-dikit mengumpul wang dan beras. Contohnya, dalam setiap pekerjaan yang dilakukan untuk mencari nafkah, misalnya menoreh getah – dapat duit getah asingkan sepuluh sen daripada jumlah pendapatan setiap hari. Kalau beras pula semasa nak masak tu, ambil segenggam simpan dalam bekas lain untuk kepentingan parti. Berkat berdikit ini adalah hasilnya. Jadi, banyaklah apabila semua orang melakukannya. Duit-duit yang dikutip itu diberikan kepada bendahari kampung, kemudian kepada mak cik sebagai bendahari pusat. Kadang-kadang tak sampai kerana mereka guna untuk kepentingan tempat sendiri. Contohnya orang Singapura siang-siang cakap tak boleh derma duit kerana banyak guna duit di pulau itu.

Pada masa Inggeris isytiharkan darurat, ramai lari ke dalam hutan. Selain Musa dan Shamsiah Fakih yang dapat lari ke hutan, mak cik ingat siapa lagi yang dapat lari?

Ketua semuanya, Ketua Peta Wahi Annuar, Ketua Tani Musa Ahmad, Ketua Buruh Abdullah Sidi. Masa itu semua sama umur. Pada tahun 1948 itu kami berumur 25 tahun.



Aishah Hussein.

Pada fikiran mak cik pada masa itu adakah lebih baik lari masuk hutan atau lebih baik kena tangkap?

Dua-dua tak mahu. Sebab dengan kerajaan British kedua-dua susah.

Pada masa itu adakah pemimpin-pemimpin PKMM yang tidak masuk hutan dan tidak kena tangkap.

Ramai, setengah tu ada ketua-ketua kampung yang tahu dia baik, mereka dijamin, tidaklah kena tangkap. Ada yang lari ke Singapura dan ke Indonesia.

Pada pandangan mak cik bagaimana orang Melayu terpengaruh dengan komunis?

Dalam perjuangan kemerdekaan ini kita bekerjasama dengan komunis. Kita bukan mahukan ideologi mereka – cuma kerjasama daripada segi senjata dan strategi menentang British. Kalau ada orang Melayu terpengaruh mungkin semasa berjuang di dalam hutan, sukar nak dijelaskan bagaimana keadaan mereka semasa hidup di hutan. Semuanya mungkin kerana keadaan dan masa. Kalau diberikan pilihan mereka tentu tidak suka jadi komunis.

Agaknya begitulah dengan Shamsiah?

Yalah agaknya. Kita hanya agak begitulah.

Apa pandangan mak cik, Shamsiah nak balik?

Itu keputusan kerajaan. Tapi mak cik fikir tak ada salahnya kalau dia sudah insaf. Dia pun dah tua, eloklah dia balik. ●

Mengapa Shamsiah Dilarang Pulang?

"Secara peribadi saya benar-benar merasakan sentuhan rasa yang memilukan apabila rayuan daripada rasa keinsafan yang mendalam seorang insan yang bernama Shamsiah Fakih ini. Dia mengharapkan belas kasihan pihak berkuasa agar dibenarkan kembali dan ingin mati di tanah tumpah darahnya, lebih-lebih lagi dalam umurnya yang sudah meningkat tua."

Oleh TAN SRI DATO' A. SAMAD BIN IDRIS



Perjanjian perletakan senjata Parti Komunis Malaya pada akhir tahun 1989.

Sokongan saya agar Shamsiah Fakih dibenarkan pulang ke tanahair dan dibebaskan bukan bererti dia bebas seperti seorang pelancong yang datang ke negara ini atau sebagai seorang rakyat Malaysia yang baru balik melancong dari luar negeri.

Kebebasan yang saya maksudkan samalah seperti yang diberikan kepada Musa Ahmad, Ibrahim Baba, Wahi Annuar, Zaiton dan ramai lagi orang Melayu yang terlibat dalam pemberontakan bersenjata komunis dahulu. Mereka semuanya telah menyerah diri beberapa tahun yang lalu dan dikenakan syarat-syarat pengampunan sebelum dibebaskan, tetapi mereka tidak dihukum melalui mahkamah.

Peristiwa menandatangani perletakan senjata anggota-anggota Parti Komunis Malaya (PKM) pada akhir tahun 1989 bererti, berakhirlah sudah pemberontakan bersenjata komunis di negara kita. Satu peristiwa yang menjadi kenangan sejarah hitam yang melanda negara sejak diisytiharkan Darurat pada 1 Februari 1948.

Meskipun undang-undang darurat telah berakhir secara rasmi pada tahun 1960 tetapi pemberontakan bersenjata komunis belum berakhir terutama di sempadan Negeri Thai. Kalau Chin Peng, Rashid Maidin dan tokoh-tokoh besar komunis serta lebih seribu orang pengikutnya telah meletakkan senjata dan diberi pengampunan, mengapa tidak dengan Shamsiah Fakih? Inilah soalnya.

Kalau disorot kembali peristiwa-peristiwa yang telah berlaku, pahit-maung dan padah yang telah menimpa rakyat Malaysia sejak berpuluh-puluh tahun akibat daripada perlakuan kejam pengganas komunis ini tentunya timbul perasaan dendam membara kerana tidak sedikit jiwa yang telah melayang dan penderitaan yang telah dialami terutama sanak-saudara dan keluarga mereka yang telah menjadi korban.

Tentunya kita semua masih ingat akan nama Musa Ahmad, tokoh utama PKM yang telah kembali ke pangkuan negara. Walaupun tempat tinggalnya dirahsiakan demi keselamatan dirinya, tetapi yang jelas dia telah bebas dan tidak menerima apa-apa hukuman.

Begitu jugalah hendaknya dengan Shamsiah Fakih, jika dia diberi kesempatan balik ke tanah tumpah darahnya sendiri. Proses pemulihan dan soal siasat perlu dilakukan sebelum dia dibenarkan menyedut udara kebebasan seperti halnya dengan rakan-rakannya yang lain.

Dalam soal ini saya tidak merasakan sesuatu yang berat dalam pertimbangan untuk memberikan kesempatan kepada Shamsiah Fakih setelah kerajaan menerima perletakan senjata komunis dan memberikan pengampunan kepada pengganas komunis ini.

Shamsiah Fakih menurut berita yang saya ketahui sudah meninggalkan perjuangannya dalam hutan sejak bertahun-tahun dahulu (masanya saya tidak tahu dengan tepat tetapi saya diberitahu oleh seorang teman di Indonesia bahawa Shamsiah Fakih telah menetap di Jakarta ketika Presiden Soekarno masih memegang kuasa pada awal tahun 60-an). Ini dapat diertikan ketika zaman konfrontasi hampir atau sudah bermula. Saya pernah ditunjukkan oleh teman ini rumah tempat tinggalnya bersama-sama dengan suaminya sekarang yang kalau tidak silap, namanya Ibrahim.

Sesudah Soeharto mengambil alih kepimpinan Indonesia dan seterusnya menjadi Presiden, Shamsiah dan suaminya telah meninggalkan Indonesia kira-kira dalam tahun 1963 atau 1964. Menurut beritanya mereka telah pergi ke Hanoi. Mengapa mereka meninggalkan Jakarta tidak pula diketahui, tetapi ada berita yang menyebutkan bahawa mereka tidak diingini oleh pemerintah kerana kegiatan pada masa lampaunya dengan komunis.

Tiba-tiba dua tahun yang lalu tersiar berita dalam *Utusan Malaysia* bahawa Shamsiah dan suaminya sudah berada di Beijing, China dan menyatakan keinginannya untuk balik ke Malaysia. ●

AWAS Pimpinan Shamsiah Mengatur Strategi Menentang Penjajah

Oleh FATINI YAACOB (Bahagian Keempat)

Kajian kali ini menekankan persoalan siapakah yang mempelawa Shamsiah menyertai PKMM serta pernikahannya kali ketiga. Persoalan pelawaan ini akan membongkar pula soalan lain – siapakah orang kuat di belakangnya atau siapakah *godfather* yang menonjolkan Shamsiah ke dalam PKMM yang dianggap istimewa?



Adakah dia diundang khas sebagai ketua AWAS? Pernikahannya sebagai ketua AWAS (wanita) dengan ketua API (pemuda), merupakan penemuan baru dalam kajian ini. Pernikahan ini membawa erti yang jauh lebih istimewa kepada kemantapan serta kekuatan parti dan Shamsiah secara peribadi.

Penyertaan Shamsiah Fakih ke dalam Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada kira-kira pertengahan tahun 1946 bukanlah secara tiba-tiba atau tanpa sedar. Shamsiah Fakih telah lama celik tentang perjuangan memerdekakan negara. Pelawaan orang-orang kuat PKMM supaya beliau menyertai perjuangan memerdekakan negara; dengan cara yang lebih tersusun diterima oleh Shamsiah dengan penuh azam.

Bagaimanapun fakta siapa sebenarnya yang membawa Shamsiah ke dalam PKMM menjadi tanda tanya. Saya mendapati terdapat dua sumber yang menyimpan maklumat tentang kemasukan Shamsiah. Sumber pertama daripada buku Ahmad Boestamam (sekarang Allahyarham). Dalam buku tersebut, *Merintis Jalan ke Puncak*, Ahmad Boestaman menceritakan bagaimana Shamsiah Fakih dibawa ke dalam PKMM.

Menurutnya Shamsiah diperkenalkan oleh Musa Ahmad (bekas Jawatankuasa Pusat PKMM, BATAS, kemudian bekas Pengerusi Parti Komunis Malaya) yang semasa itu bertugas di Seremban selaku Pesuruhjaya PKMM bagi Negeri Sembilan. Dipercayai Musa Ahmad mengenali Shamsiah semasa di sini.

Menurut Ahmad Boestamam, "Apabila Musa mengetahui tentang Ketua Jabatan Wanita Pusat sudah tidak ada lagi (Aishah Ghani meletakkan jawatan sebagai Ketua Jabatan Wanitanya), dia lantas datang ke Kuala Lumpur membawa bersama-sama Shamsiah Fakih sekali. Dia mengusulkan kepada kami supaya Shamsiah diberikan jawatan sebagai Ketua Jabatan Wanita PKMM pusat itu. Berbagai-bagai yang dikatakannya untuk mempengaruhi kami. Pujiannya ke atas Shamsiah tinggi melangit."

Menurutnya lagi, "Dan kerana Shamsiah memang boleh bertugas, apatah lagi pandai pula berpidato sehingga tidak kalah daripada Aishah Ghani, maka apa yang diusulkan oleh Musa Ahmad itu kami terima. Demikianlah mulanya Shamsiah Fakih mengambil alih jawatan sebagai Ketua Jabatan Wanita Pusat itu".

Sumber yang kedua tentang kemasukan Shamsiah dalam PKMM saya perolehi daripada Aishah Ghani (sekarang Datin Paduka Hajah) sendiri. Sewaktu diwawancara, beliau menyebutkan kisah bagaimana Shamsiah boleh terlibat dengan PKMM dan mengambil tempatnya selaku Ketua Wanita.

Menurut beliau sebelum berhenti daripada mengetuai AWAS beliau telah diminta mencarikan orang lain bagi menggantikan tempatnya. Beliau teringatkan Shamsiah kerana semasa tinggal bersama-sama kakaknya di Kuala Pilah beliau sering bertemu Shamsiah. Beliau telah lama mengenali Shamsiah kerana belajar bersama-sama di sekolah di Padang Panjang, Sumatera Barat. Sewaktu bertemu Shamsiah di Kuala Pilah, Shamsiah memintanya menolong mencarikan pekerjaan.

Beliau kemudian mendapatkan Shamsiah di Kuala Pilah dan membawa beliau ke Kuala Lumpur. Beliau telah menghadiahkan Shamsiah sepasang kasut merah setelah melihat keadaan Shamsiah yang hidup serba susah selepas pemerintahan Jepun itu.

Menurut Aishah Ghani, apabila sampai ke pejabat PKMM, "Semua yang ada di situ nampaknya seronok menerima Shamsiah yang ketika itu berumur 21 tahun. Ahmad Boestamam yang ada di situ ketika itu, terus mengusik dengan mengatakan 'Mak Inang, pandai cari' (Mak Inang adalah nama ruangan pojok yang dikendalikan oleh Aishah Ghani dalam akhbar PKMM, *Pelita Malaya*). Pada ketika itu Aishah Ghani terus meningkah, "Shamsiah orangnya tahan dan boleh pergi jauh."

Cara Shamsiah dibawa masuk ke dalam PKMM sebenarnya penting untuk dikaji dan kemungkinan berkaitan dengan perjuangan Shamsiah selepas darurat. Bagaimana hal ini akan dijelaskan dalam keluaran *DM* akan datang. Yang nyata di sini Shamsiah mempunyai kedudukan yang istimewa dan tersendiri dalam parti. Shamsiah tidak masuk secara biasa atau sebagai ahli biasa. Dia terpilih dan diundang khas bagi memikul tanggungjawab sebagai Ketua Wanita PKMM (atau nama singkatan yang lebih popular – AWAS – Angkatan Wanita

Sedar). Ini merupakan pengiktirafan terhadap keupayaan dan bakat kepimpinan yang ada padanya.

Kalau tanpa sebarang kebolehan dan bakat kepimpinan yang terserlah tidak mungkin Shamsiah boleh diterima dan terus diangkat menjadi Ketua AWAS. Dengan rupanya yang cantik, gayanya yang kemas, ditambah dengan kehebatan pidatonya Shamsiah dengan mudah dapat menakluki hati pimpinan lelaki di dalam PKMM untuk berjuang bersama-sama mereka. Tambahan pula Shamsiah kini janda, setelah bercerai dengan Rusdi di Bagan Serai. Gelaran janda ini memudahkan gerak dan langkahnya untuk bersama-sama pimpinan lelaki ke serata negeri menubuhkan cawangan AWAS.

Pada zaman anak dara masih dipingit, kebolehan menekat dan memasak yang lebih diutamakan daripada menuntut ilmu, peraturan pergaulan yang ketat di antara lelaki dan wanita serta tugas wanita hanya untuk menunggu kahwin dan menghasilkan sebanyak-banyak zuriat, Shamsiah bangun memecah kekolotan ini. Dengan berganding bahu bersama-sama kaum lelaki, beliau menyedarkan kaum wanita dan lelaki tentang hak-hak dan peranan besar mereka dalam mencorakkan masa depan negara.

Menurut Ahmad Boestamam lagi dalam bukunya, "Di bawah tadbir Shamsiah, wanita PKMM tambah teratur susunannya dan maju gerakannya. Bukan sahaja di negeri-negeri wanita PKMM ada, bahkan di kampung-kampung juga."

Shamsiah selaku Ketua AWAS sering bergerak bersama-sama dengan bahagian pemuda di dalam PKMM atau API (Angkatan Pemuda Insaf) di bawah pimpinan Ahmad Boestamam; ke merata negeri. Sehinggakan setiap negeri yang mempunyai cawangan API akan tetap ada cawangan AWASnya.

Pidato-pidato Shamsiah mengandungi isi yang merangsang semangat dan menyedarkan wanita-wanita kampung tentang keperluan membangunkan diri masyarakat dan memerdekakan negara daripada penjajah.

Isi Pidato Shamsiah

Pidato-pidato Shamsiah mengandungi isi yang merangsang semangat dan menyedarkan wanita-wanita kampung tentang keperluan membangunkan diri masyarakat dan memerdekakan negara daripada penjajah. Sebagai seorang ustazah, Shamsiah merangsangkan fikiran mereka dengan dalil-dalil daripada al-Quran dan hadis tentang kedudukan dan peranan wanita di dalam Islam. Sirah Rasulullah dengan kegiatan isteri-isterinya di luar rumah dan menuntut ilmu sering dijadikan contoh sebagai penguat hujahnya.

"Isteri Rasulullah s.a.w. yang paling muda – Saidatina Aishah adalah orang yang begitu dalam ilmunya terutama tentang hadis. Dan beliau menjadi pakar rujuk hadis yang terkenal selepas kewafatan Rasulullah. Imam-imam besar Islam yang kesemuanya lelaki merujuk kepada beliau. Bukti ini sudah jelas menunjukkan bahawa kedudukan dan peranan wanita jauh lebih besar dan bermakna daripada hanya dapur dan anak-anak. Oleh itu marilah kita bersama-sama menuntut ilmu kerana ilmu itu tidak hanya untuk lelaki tetapi juga diwajibkan untuk wanita."

Shamsiah juga sering mengingatkan wanita dalam pidatonya "Untuk mengejar kemerdekaan, kita harus berganding bahu dengan lelaki. Kita tidak boleh berpisah dengan lelaki kerana kita umpama sayap kiri dan lelaki umpama sayap kanan. Sekiranya sayap kiri tidak bergerak, sayap kanan tidak boleh terbang."

Dalam waktu-waktu yang lain terutama apabila majlis pidatonya umum dan terbuka untuk lelaki Shamsiah seringkali menekankan soal kesedaran membebaskan tanahair daripada penjajah. Beliau akan membuka pidatonya dengan pendedahan pelbagai sistem pemerintahan yang ada di dunia ini seperti komunis, kapitalis, sosialis dan demokrasi. Beliau juga mendedahkan tentang negara-negara di Asia yang lain yang turut berjuang membebaskan negara daripada penjajahan seperti Burma, India dan Vietnam. Sementara Indonesia telah pun berjaya melalui perjuangan berdarahnya; memproklamirkan kemerdekaan.

Dengan pekikan "Merdeka" dan pekikan perjuangan "AWAS!" yang tersendiri (sewaktu pekikan ini diteriakkan, tangan kanan digenggam dengan jari telunjuk ditegakkan seperti isyarat memberi amaran) Shamsiah berjaya membakar semangat penduduk kampung di mana-mana sahaja dia berada; menyebabkan cawangan AWAS berkembang dari hari ke hari.

Koleksi: Mahan Chik



Shamsiah Fakih (kiri) memegang sepanduk bersama-sama Habsah (isteri Pak Sako): Berarak sempena Kongres PKMM di Melaka.

Sumbangan Besar AWAS Kepada PKMM

Oleh kerana PKMM adalah parti politik yang dianggotai oleh golongan rakyat biasa dan bukan diasaskan daripada kalangan bangsawan atau elit Melayu, parti ini sering menghadapi masalah kewangan untuk melicinkan pergerakan dan perkembangannya.

PKMM dapat bergerak dengan derma dan jualan akhbar lidah rasminya *Pelita Malaya* dan *Suluh Malaya*. Akhbar-akhbar ini seringkali menyiarkan nama-nama



Shamsiah Fakih (berdiri di meja) sedang berucap di Stadium TPCA, Kampung Baru Kuala Lumpur, 1946.

orang yang menderma kepada parti di muka hadapannya.

Pembiayaan makan minum dan tempat tinggal pemimpin parti didapati melalui wang tabung hasil derma orang ramai. Selain daripada itu mereka akan meminta setiap negeri yang didatangi oleh pimpinan PKMM agar membiayai segala perbelanjaan untuk menjimatkan wang tabung.

Shamsiah Fakih bersama-sama Jawatankuasa Pusat AWAS yang terdiri daripada setiausaha, Zainab Mahmud (kini Allahyarham, isteri Musa Ahmad); Bendahari, Aishah Hussein (isteri Ishak Hj. Muhammad sekarang); Fatimah Hj. Abu Kassim (Jawatankuasa Penerangan), Rahman Hj. Hussien dan ahli-ahli jawatankuasa lain mula memikirkan cara bagaimana mereka boleh mencari jalan mendapatkan wang untuk kegunaan parti.

Rumah ibu Aishah Hussien di Hulu Langat Selangor, seringkali menjadi tempat perjumpaan dan mesyuarat wanita AWAS. Tempat itu menjadi pilihan kerana keadaannya yang lebih selesa dan ibu Aishah yang "tidak kisah". Kebetulan pula dua abangnya turut serta bergiat di dalam parti. Fatimah Abu Kassim yang juga Ketua AWAS Jenderam (sebuah kampung orang Minang yang terkenal di Selangor kerana seluruh orang kampung dipindahkan oleh British ke Kluang, Johor dan rumah-rumah dibakar semasa darurat) semasa perjumpaan di rumah tersebut mencadangkan supaya AWAS mendapatkan wang melalui cara yang telah dijalankan di kampungnya.

Menurut beliau sewaktu diwawancara, adalah sukar untuk mengutip wang dengan sejumlah yang tertentu pada sesuatu masa kerana pendapatan penduduk kampung kecil atau tidak menentu. Oleh itu dia mengesyorkan supaya kaum wanita yang bekerja sawah atau menoreh getah memperuntukkan dalam tabung sejumlah kecil wang daripada hasil pendapatan sehari.

Untuk yang tidak bekerja; ketika mereka memasak, wanita-wanita tersebut diminta mengasingkan segenggam beras setiap kali memasak ke dalam satu bekas supaya boleh dikumpulkan pada hujung bulan. Beras yang terkumpul ini boleh dijual bagi mendapatkan wang dan diserahkan kepada parti.

"Cara berdikit dan mengumpul ini memberikan pulangan yang baik setiap bulan kepada kewangan parti." Demikian penjelasan Fatimah Abu Kassim.

Shamsiah Fakih setuju dan kemudian menggerakkan jawatankuasanya, berasaskan idea ini untuk meminta kerjasama agar seluruh cawangan dan negeri bergerak aktif mengumpul wang melalui cara ini. Selain daripada itu pada setiap kali mesyuarat Shamsiah meminta supaya wanita boleh menderma apa saja yang terdaya sama ada wang atau barang-barang kemas.

Ada di antara wanita-wanita ini yang melucutkan rantai, cincin atau subang yang dipakai untuk dijual bagi mendapatkan wang untuk kegunaan parti. Walaupun sayu namun masing-masing berbangga dapat berbakti kepada parti.

Melalui kutipan bulanan seperti ini AWAS memberikan sumbangan yang besar kepada parti. Selain disedarkan tentang perjuangan kemerdekaan, mereka juga disedarkan tentang pengorbanan wang ringgit, tenaga dan kalau perlu darah dan nyawa untuk mencapai cita-cita kemerdekaan.

Shamsiah Bernikah Dengan Ahmad Boestamam

Fakta ini tidak ramai diketahui oleh orang awam sehingga kini. Hanya beberapa orang yang rapat dengan pucuk pimpinan parti mengetahui hal pernikahan Shamsiah dan Ahmad Boestamam. Saya mendapat fakta ini daripada adik angkat Shamsiah Fakih – Ustaz Hashim Ghani, kemudian disahkan oleh orang lain di dalam parti seperti Aishah Ghani, Wahi Annuar, juga Ishak Hj. Muhammad (Pak Sako).

Ahmad Boestamam sendiri pun langsung tidak menyebut tentang hal pernikahan ini di dalam bukunya. Beliau hanya menyentuh tentang Shamsiah sepintas lalu sahaja dan melebihkan pula kisah Datin Sakinah Junid dalam bab "Tenaga Wanita dalam PKMM". Padahal penglibatan Shamsiah dan sumbangannya tidak ternilai kepada parti dan masyarakat khususnya kaum wanita Melayu ketika itu. Tidak diketahui apakah motif sebenar beliau menyembunyikan fakta ini; boleh jadi beliau tidak mahu mengaitkan soal peribadi dengan perjuangannya.



Zainab Mahmud bekas setiausaha AWAS, juga isteri kepada Musa Ahmad (kiri) dan Aishah Hussein isteri Pak Sako sekarang.

Bagaimanapun kisah pernikahan Shamsiah - Ahmad Boestamam merupakan satu hal yang sangat menarik. Pertama: kerana ini adalah perkahwinan ketiga Shamsiah dan kedua pasangan ini sama-sama terkenal dan sama hebat orangnya dalam perjuangan parti.

Shamsiah cantik, lantang dan berapi pidatonya – sementara Ahmad Boestamam

pula segak, tahan uji dan tegas dengan pidato yang boleh menggegar dan menggugah semangat pendengarnya. Gandingan kedua-duanya ini memberikan kekuatan yang tersendiri kepada parti.

Ahmad Boestamam mungkin telah lama menyimpan rasa terhadap Shamsiah. Kemungkinan besar sejak pertama kali diperkenalkan oleh Aishah Ghani sebagai penggantinya. Menurut beberapa orang yang saya temui yang mengetahui sejarah perkahwinan ini, Shamsiah dikatakan sering menggiat dan mencabar Ahmad Boestamam sebagai pemimpin kuat API kerana sumbangan anggota-anggota API tidak jelas seperti anggota-anggota AWAS kepada parti.

Shamsiah hanya olok-olok dan tidak bermaksud apa-apa. Bagaimanapun Boestamam menerima cabaran ini dan terus berazam memberhentikan kata-kata sinis Shamsiah dengan menjadikan Shamsiah sebagai isterinya.

Menurut Haji Manan Chik, bekas Setiausaha PKMM Negeri Sembilan, pernikahan mereka berlangsung sebaik sahaja Kongres Kedua PKMM di Melaka pada 25 Disember 1946. Tidak siapa pun yang saya temui dapat mengesahkan tarikh pernikahan mereka yang rasmi, tetapi berkemungkinan dilangsungkan pada awal Januari 1947.

Ustaz Hashim Ghani selaku Ketua API, Kuala Pilah bersama-sama Jawatankuasa Pemuda API-nya menjadi pengiring Ahmad Boestamam pada majlis pernikahan tersebut. Rombongan pengantin lelaki menumpang di rumah Shamsuddin Salleh (Allahyarham) Jawatankuasa Pusat (Buruh) PKMM di Jalan Bahau, Kuala Pilah. Rumah ini terletak kira-kira lima km dari rumah Fakih Sutan, ayah Shamsiah.


Koleksi: Manan Chik

Shamsiah Fakih (kiri), Ahmad Boestamam, Burhanuddin Helmy dan Jaalam Osman pada 1.12.1946 di Kuala Pilah.

Pernikahan ini turut disaksikan oleh orang-orang kampung yang dijemput ke majlis kenduri pernikahan ini. Lebih daripada 100 orang kampung datang memeriahkan majlis itu. Bapanya sendiri Fakih Sutan menikahkan mereka. Selepas pernikahan ini mereka berdua kembali pagi esoknya ke Kuala Lumpur bagi meneruskan perjuangan. Perkahwinan ini ternyata memberi era baru dan makna yang tersendiri kepada Shamsiah yang memang menginginkan seorang suami yang memahami perjuangannya. ●



Haji Manan Chik bekas Setiausaha PKMM Negeri Sembilan.

Mengapa Perjuangan PKMM Ditiadakan dalam Sejarah Kemerdekaan?

"Sejarah kemerdekaan Malaysia harus dinilai kembali. Pengiktirafan yang tinggi harus diberikan kepada mereka yang berkorban menentang penjajah dari dalam hutan. Kemerdekaan Malaysia bukan diperoleh sepertimana yang disangka oleh banyak orang..."

Inilah jeritan-jeritan klise yang telah lama dilaungkan oleh bekas nasionalis radikal yang masih hidup hari ini. Jeritan-jeritan ini masih kedengaran walaupun Malaysia telah 33 tahun merdeka! Benarkah demikian layanan yang diterima oleh golongan nasionalis radikal terhadap perjuangan memerdekakan negara? Kalau benar, mengapakah begitu buruk layanan yang mereka terima? Apakah sebenarnya yang tersembunyi di sebalik politik sebelum kemerdekaan?

Seluruh laporan penyiasatan Shamsiah Fakih ini sebenarnya cuba mencari jawapan terhadap persoalan-persoalan ini. Kepada generasi muda yang lahir selepas merdeka, ini adalah cabaran yang besar terhadap kematangan menilai sejarah dan usaha mendapatkan maklumat. Bagi kebanyakan pihak, persoalan-persoalan di atas terlalu sensitif dan pada aspek lain melibatkan pula keselamatan negara.

Perjuangan kemerdekaan, konsep Melayu Raya, nasionalis kiri, nasionalis kanan, PKMM, PKM, Umno "Merdeka dengan darah!", "Hidup Melayu! Sehingga ke titisan darah terakhir!", hartal, darurat, komunis, gerila dan pengganas, adalah perkataan-perkataan biasa sebelum merdeka.

Bagi generasi ketika itu, perkataan-perkataan ini membawa erti yang sungguh bermakna. Sebagaimana banyaknya perkataan-perkataan tersebut, dengan latar belakang yang berbeza dan sejarah yang tersendiri demikianlah kompleksnya melihat sejarah perjuangan kemerdekaan. Di tengah kemelut kemerdekaan ini tidak hairanlah kalau ada pihak-pihak yang berusaha untuk memadamkan jasa sesuatu pihak demi kepentingan politik, kuasa dan nama.

Penubuhan PKMM

Untuk melihat perjuangan golongan nasionalis radikal atau 'kiri', kita harus bermula daripada sejarah penubuhannya. Kita juga harus memahami bahawa istilah kiri yang dimaksudkan di sini ditujukan kepada parti-parti yang tidak bersetuju un-



Mokhtaruddin Lasso: Salah seorang pengasas PKMM.

dan beberapa pertubuhan rasmi dan tidak rasmi daripada golongan berpendidikan agama dan orang perseorangan yang menentang penjajah.

Penubuhan PKMM sebenarnya menurut Ahmad Boestamam dalam bukunya *Merintis Jalan ke Puncak* dicetuskan oleh Mokhtaruddin Lasso yang berasal dari Indonesia dan bekas ahli MPAJA (Malayan People's Anti Japanese Army). Dia juga dikenali sebagai ahli Parti Komunis Malaya (PKM). Kedatangannya ke Tanah Melayu mungkin kerana melarikan diri dari Indonesia. Dia datang ke pejabat *Suara Rakyat*, akhbar terbitan Ahmad Boestamam dan kawan-kawannya, bersama-sama dengan seorang ahli PKM Arshad Ashaari.

Hasil perbincangan mereka lahirlah PKMM dengan pimpinan Mokhtaruddin Lasso (Yang Dipertua), Dr. Burhanuddin Helmy (NYDP walaupun dia tidak hadir), Dahari Ali (Setiausaha), Arshad Ashaari (Bendahari) sementara Ahmad Boestamam sebagai Jawatankuasa Pemudanya. Dalam kongres pertamanya (Disember 1945) Mokhtaruddin Lasso tidak muncul, akhirnya Burhanuddin Helmy kekal sebagai Yang Dipertua PKMM.

setelah merdeka. Pendirian mereka ini lebih dikenali sebagai *non-co* dengan British.

Perlembagaan PKMM menyebutkan:

- o Untuk menyatukan bangsa Melayu dan menanamkan semangat kebangsaan dalam jiwa orang Melayu dengan matlamat besar untuk menyatukan Malaya dengan Indonesia sebagai Republik Indonesia Raya.
- o Untuk memperjuangkan kebebasan bersuara, akhbar, perhimpunan dan kebebasan menyebarkan pengetahuan.
- o Untuk meningkatkan ekonomi orang Melayu dengan menegakkan industri, perdagangan dan pertanian.
- o Untuk memperjuangkan kebebasan dalam pertanian yang bermaksud cukai tidak dikenakan kepada tanah-tanah pertanian dan petani bebas jual hasil pertanian sesuka hati mereka.
- o Untuk memperjuangkan kebebasan mutlak untuk Melayu, mewujudkan sekolah-sekolah kerajaan, menggunakan bahasa mereka sebagai bahasa pengantar.
- o Untuk menggalakkan penerbitan buku yang akan mendaulatkan demokrasi dan dalam masa yang sama mengembangkan kedudukan politik Melayu dan jiwa kebangsaan.
- o PKMM harus menghubungkan silaturrahim dengan kaum-kaum lain di negara ini untuk membentuk Malaya yang bersatu dan makmur sebagai rakan komponen Republik Indonesia Raya.

tuk bekerjasama dengan British atau berpendirian *non-co-operation* dengan British.

PKMM diasaskan penubuhannya oleh Mokhtaruddin Lasso, Ahmad Boestamam dan Musa Ahmad; di Ipoh, Perak pada bulan September 1945. Walaupun menurut bukunya Ahmad Boestamam mengatakan bahawa parti ini bukan lanjutan daripada KMM (Kesatuan Melayu Muda di bawah pimpinan Ibrahim Yaakob), namun jelas sekali bahawa ahli-ahli jawatankuasa penaja terdiri daripada bekas-bekas anggota KMM. Begitu juga corak perjuangannya. Mereka yang dimaksudkan ialah Ahmad Boestamam sendiri, Musa Ahmad dan Ibrahim Karim. Musa Ahmad adalah lulusan Sekolah Agama al-Mahsyoor yang terkenal di Pulau Pinang, serta Sekolah Lanjutan Anglo-Chinese di negeri yang sama. Menurut pengakuan beliau sewaktu penyerahan diri pada tahun 1980 beliau mengikuti kelas-kelas doktrin komunis sejak tahun 1945. Ini bererti kelas yang diikutinya selari dengan penyertaannya dalam PKMM.

PKMM merupakan parti radikal nasionalis yang akhir sebelum merdeka; atau yang ditubuhkan selepas Perang Dunia II. Sebelum itu telah ada Kesatuan Melayu Muda di bawah pimpinan Ibrahim Yaakob



Ahmad Boestamam.



Musa Ahmad.



Dr. Burhanuddin Helmy.

Perlembagaan PKMM

PKMM sejak ditubuhkan mengisytiharkan matlamatnya untuk mencapai kemerdekaan penuh atau 100 peratus bagi Tanah Melayu. Ini bererti mereka tidak mahu kemerdekaan bersyarat daripada British. Mereka tidak mahu British mengekalkan kepentingan mereka di Tanah Melayu

- o Menyokong pergerakan nasionalis Indonesia untuk mencapai kemerdekaan.

Ciri-ciri Menarik PKMM

Dalam memperkatakan tentang PKMM beberapa ciri yang menarik tentang parti ini harus diperhatikan. Pertama: PKMM bukan sahaja berpendirian tidak akan

bekerjasama dengan British dan mahukan kemerdekaan 100 peratus malahan berhasrat untuk menjadikan Tanah Melayu sebuah republik dan mencantumkan Tanah Melayu dengan Indonesia menjadikan Republik Indonesia Raya; di bawah konsep "Melayu Raya".

Dalam usaha merealisasikan gagasan ini, PKMM mengambil bendera kebangsaan Indonesia – Sang Saka Merah Putih sebagai bendera parti; lagu kebangsaan Indonesia Raya sebagai lagu kebangsaan PKMM yang sering dinyanyikan dalam perhimpunan PKMM.

Gagasan ini mungkin kelihatan janggal pada masa ini. Bagaimanapun sewaktu itu gagasan ini dirasakan wajar kerana hubungan Indonesia - Malaysia telah terbentuk sejak berabad dahulu sebelum penjajahan, terutama semasa keagungan empayar kesultanan Melaka. Ramai di antara orang Tanah Melayu mempunyai saudara di Indonesia dan sebaliknya.

Semasa perjuangan mencapai kemerdekaan di Indonesia, ramai di antara rakyat Tanah Melayu ikut berjuang dengan buluh runcing. Ada pula pihak yang membuktikan Tanah Melayu turut membekalkan senjata kepada golongan nasionalis Indonesia semasa itu. Jadi gagasan tersebut bukanlah satu hal yang patut dipersoalkan.

Ciri kedua yang menarik ialah: penglibatan golongan anggota Parti Komunis Malaya (PKM) dari sejak awal parti ini ditubuhkan. Harus juga diperhatikan di sini bahawa PKM merupakan organisasi yang dihalalkan semasa itu dan komunis tidak menjadi perkataan yang 'dimomokkan' atau 'digeruni' orang. PKMM merupakan pertubuhan ideologi biasa yang walaupun bertentangan dengan Islam daripada segi prinsipnya tetapi diterima oleh orang Melayu akan kelainan dan kehadirannya. Ini tidak bermakna orang Melayu menerima faham komunisme untuk dianuti. Yang pasti komunis bukan ditakuti seperti kebanyakan orang memahaminya hari ini – satu kejayaan hasil *psy-war* British semasa darurat diisytiharkan.

Ciri ketiga yang tidak kurang menariknya ialah: PKMM diasaskan oleh golongan rakyat biasa dan bukan daripada kalangan bangsawan. PKMM juga diterajui dan dianggotai oleh kalangan rakyat biasa yang berlatarbelakangkan pendidikan agama, Inggeris dan Melayu. Cantuman latar belakang 'marhain' dan pelbagai jenis pendidikan ini bagaimanapun memberikan kekuatan yang bermakna kepada PKMM. Keanggotaan ini sama sekali berbeza dengan keanggotaan dan kepimpinan Umno (ditubuhkan setahun lewat daripada PKMM) yang pada peringkat yang sama dianggotai oleh golongan yang berkedudukan di dalam masyarakat.

Bagaimanapun penubuhan PKMM disambut baik oleh masyarakat Melayu yang ketika itu tidak mempunyai satu pun pertubuhan Melayu bercorak nasional. Sesuai dengan sambutan baik tersebut, struktur organisasi PKMM berkembang pesat dalam masa tidak sampai setahun. Perkembangan pertama: pada penubuhan sayap Pemuda yang digelar Angkatan Pemuda Insaf (API) pada 17 Februari 1946, di bawah pimpinan Ahmad Boestamam. Penubuhan API diasaskan secara kebetulan hanya kerana mahu perarakan PKMM di Ipoh diiringi oleh pemuda-pemuda berpakaian seragam tentera.

Penubuhan API

Ahmad Boestamam mengusahakan pemuda-pemuda siap dengan pakaian seragam, lilitan lengan, lambang API dalam masa dua hari untuk mengetuai perarakan PKMM tersebut. Selepas itu API terus dikekalkan dan Ahmad Boestamam terus kekal menjadi ketua API. Walaupun ditimbulkan secara kebetulan, API berjaya dibentuk oleh Ahmad Boestamam menjadi 'barisan pendesak' yang semi tentera dan semi militan dengan slogan "Merdeka dengan darah". API berjaya menakutkan British; sehinggakan API merupakan badan politik pertama diharamkan oleh British sebelum darurat. Sebelum itu, Ahmad Boestamam pernah ditangkap oleh British kerana buku perlembagaan API – *Testamen Politik API.* Bagaimanapun dia tidak dipenjara kerana berjaya membayar denda.

Perkembangan kedua: perpindahan ibu pejabat PKMM ke Kuala Lumpur dari Ipoh. Perpindahan ke pusat pentadbiran Malaya, pusat kedua selepas Singapura ini mempercepatkan perkembangan pengaruh PKMM di kalangan rakyat serata negara. Perkembangan ketiga: penerbitan akhbar lidah rasmi iaitu *Pelita Malaya* dan *Suluh Malaya* di Kuala Lumpur selain daripada akhbar *Suara Rakyat* dan *Voice of People* di Ipoh.



Koleksi: Manan Chik

Perarakan PKMM sempena Kongres Kedua PKMM di Melaka, Disember 1946.

Penubuhan Umno


Penting juga disebut dalam masa kebangkitan PKMM sebagai sebuah parti kebangsaan orang Melayu, tujuh bulan kemudian lahirlah Umno pada 1 Mac 1946. Umno (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) mendapat nama hasil himpunan badan-badan Melayu yang berselerak di seluruh Tanah Melayu yang dipanggil menghadiri Kongres Melayu Pertama di Kg. Baru pada 1 Mac 1946. Kongres ini menentang *Malayan Union* yang dicadangkan oleh British ke atas Tanah Melayu. PKMM semasa itu turut diundang. Semasa dibahaskan, PKMM mempertahankan usul "menolak Malayan Union tetapi meminta kemerdekaan penuh daripada British." Bagaimanapun usul ini ditolak oleh kongres.

Pada masa tersebut perkataan merdeka belum wujud di kalangan pertubuhan Melayu tersebut. Yang ada hanya slogan 'Hidup Melayu.' Hasil daripada kongres inilah baru ditubuhkan Umno. Agak aneh apabila diperhatikan pertubuhan ini yang memperjuangkan hidup Melayu menggunakan bahasa Inggeris sebagai akronimnya.

Presiden Umno yang pertama ialah Dato' Onn Jaafar, daripada keluarga bangsawan iaitu anak Menteri Besar Johor ketika itu.

Pemisahan PKMM Daripada Umno

PKMM masih menganggotai Umno sehingga ke saat mesyuaratnya yang kedua pada Jun 1946 di Ipoh. PKMM menarik


Koleksi: Manan Chik

Perarakan API di Melaka semasa Kongres Kedua PKMM, 1946.

tentang perjuangan PKMM yang tidak realistik dan hanya angan-angan kosong. Dalam salah satu ruangan editorialnya *The Straits Times* menyebutkan PKMM yang berjuang untuk kemerdekaan dan berkerajaan sendiri sebagai "lack of realism and practicality".

Menjawab tuduhan ini seorang pembaca dalam ruangan surat daripada pembaca (*The Straits Times*, 7 Disember 1946) yang menggelarkan diri sebagai "MNP Member" menyelar penulis editorial tersebut yang tidak tahu apa-apa tentang PKMM ataupun Umno. Tetapi dalam pada tak tahu itu ia lebih cenderung menyokong UMNO. Beliau dengan sinis mengatakan: *"We stand for the dumb Malays masses and the down-trodden improverished peasantry; the Umno is interested in the conservative diehards and the selfish decadent aristocracy."*

PKMM melihat masa depannya kabur dalam usaha menentang penjajah sekiranya parti-parti Melayu yang ada tidak digabungkan. Lama sebelum ura-ura penggabungan ini dibuat, API telah tegak sebagai sebuah badan politik pemuda yang tersendiri dan Barisan Tani SeMalaya atau BATAS telah diwujudkan demi kepentingan petani-petani Malaya.

MATA pula atau Majlis Islam Tertinggi pimpinan Ustaz Abu Bakar al-Bakir yang berpengaruh di Semanggol Perak turut ditubuhkan. Demikian juga Hizbul Muslimin di Semanggol, sebuah parti Islam yang juga diasaskan oleh Ustaz Abu Bakar.

diri daripada Umno dengan alasan pemberian undi yang kecil kepada PKMM sebagai sebuah badan yang besar. PKMM disamakan taraf seperti badan-badan Melayu lain yang kecil. Bagaimanapun ini hanya merupakan strategi untuk keluar daripada Umno kerana sepatutnya PKMM menarik diri daripada kongres pertama; yang menolak usul kemerdekaan cara PKMM sejak awal-awal lagi. Menurut Dr. Burhanuddin, PKMM mahu "memberikan peluang dan membuktikan keikhlasan untuk mempertahankan perpaduan di kalangan orang Melayu untuk kepentingan kebangsaan."

Pemisahan PKMM dan Umno adalah berdasarkan prinsip perjuangan. PKMM berjuang untuk kemerdekaan penuh dan marhain sifatnya. PKMM juga bertujuan menubuhkan republik Melayu yang bererti menghilangkan kuasa golongan feudal.

Sebaliknya Umno pada tahap itu melaungkan 'hidup Melayu', boleh bertolak ansur dengan British dalam soal kemerdekaan dan tidak menyetujui kuasa golongan feudal dihapuskan.

Gagasan Persekutuan Tanah Melayu

Perpecahan PKMM dan Umno memberikan ruang yang baik kepada British untuk memilih pertubuhan mana yang *moderate* dan boleh dibawa berunding. British mengambil kesempatan ini untuk mengadakan rundingan dengan golongan yang dipilihnya – sultan-sultan dan Umno,, untuk membentuk gagasan baru iaitu Persekutuan Tanah Melayu bagi menggantikan gagasan Malayan Union.

Wakil-wakil yang terpilih ke persidangan tersebut iaitu enam orang daripada pihak British, empat orang sultan dan dua orang wakil daripada Umno. PKMM tidak diberikan tempat sebagai pertubuhan Melayu yang berpengaruh di kalangan rakyat Melayu terbanyak. Dalam hal ini, Ishak Hj. Muhammad (Pak Sako) selaku Naib Yang Dipertua PKMM dalam *Malaya Tribune* (8 Januari 1947) mempersoalkan tentang gagasan Persekutuan Tanah Melayu. *"A cleverly camouflaged British Colony and Breeding Ground of Imperialism."* Beliau juga mempersoalkan tarikh kemerdekaan yang tidak dinyatakan, bendera kebangsaan, lagu kebangsaan, tentera kebangsaan dan persediaan-persediaan lain yang berbentuk kebangsaan untuk kemerdekaan pada masa depan dari British.

Ishak juga mempertikaikan kedudukan Umno dan keanggotaannya dalam jawatankuasa kerana mendapat hak yang begitu eksklusif untuk mewakili rakyat terbanyak. Beliau menuduh Umno "... tidak mewakili majoriti Melayu. *Members of remaining associations that are still affiliated to Umno mostly* memasuki pertubuhan melalui jalan ancaman atau *coercion*.

Dengan penarikan diri PKMM daripada Umno, orang Melayu mempunyai dua parti yang berbeza dengan dua prinsip perjuangan yang berlainan; walaupun matlamatnya sama iaitu kemerdekaan Tanah Melayu. Dengan Umno dibawa berunding dalam Jawatankuasa Kerja Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu itu dan meninggalkan PKMM, ternyata PKMM tidak mempunyai pilihan lain untuk terus berjuang dengan gigih menentang British dan bersaing dengan Umno; walaupun bukan itu yang dikehendakinya.

Tuduhan Akhbar "Pro-British"

Akhbar-akhbar pada tahun-tahun tersebut rancak membicarakan persoalan tersebut. *The Straits Times* yang diterbitkan di Singapura yang ternyata menjadi 'lidah tidak rasmi' penjajah memperkatakan

Penubuhan PUTERA

Pertubuhan-pertubuhan ini yang juga kiri sifatnya tidak akan dapat berdiri lama sekiranya tidak bersatu. Akhirnya pada 22 Februari 1947, di markas pusat PKMM di Kuala Lumpur terbentuklah PUTERA atau Pusat Tenaga Rakyat. Badan-badan kiri yang bergabung di bawah PUTERA ini terdiri daripada PKMM, API, AWAS, BATAS, Hizbul Muslimin dan GERAM (Gerakan Angkatan Muda) sebuah gerakan pemuda kiri yang berpusat di Singapura.

Di antara badan-badan ini hanya GERAM sahaja yang tidak merupakan badan "nukleas" daripada PKMM. Ishak Hj. Muhammad dipilih sebagai pemimpin gabungan tersebut. Kedudukan PKMM dengan gabungan badan-badan kiri Melayu atas nama PUTERA memberi sedikit kekuatan kepada PKMM pada zahirnya. Bagaimanapun pada tahap ini PKMM masih belum berjaya menarik perhatian British terhadap kemerdekaan melalui cara yang mereka kehendaki. British lebih memihak kepada Umno yang sifatnya lebih elitis dan tidak radikal.

SHAMSIAH FAKIH

Pertama Kali Bertemu Rakyat Malaysia Setelah 43 Tahun!



Shamsiah Fakih

Shamsiah Fakih kini berada di Changsha, Hunan di negara Republik Rakyat China. Ramai tidak menyangka kami akan dapat bertemu beliau. Tetapi itulah kenyataannya. Kami temui Shamsiah Fakih bersama keluarganya di rumahnya sendiri di China pada 20 November 1991 yang lalu. Untuk sampai ke negara China dan bertemu Shamsiah, bagaimanapun, banyak rintangan yang terpaksa kami tempuhi. Ikutilah laporan Fatini Yaacob, dengan bantuan Zaiton Nasir dan Goh Him San (juru bahasa).

Pelbagai persoalan tentang Shamsiah terpaksa dijawab daripada pembaca dan orang perseorangan. Soalan yang paling utama ialah mengapa Shamsiah diketengahkan? Jenuh kami menjawabnya. Sebenarnya kami mengambil peluang atau kesempatan untuk menulis sesuatu yang berkaitan dengan komunis setelah perjanjian damai antara kerajaan dan Parti Komunis Malaya (PKM) dimeterai pada bulan Disember 1989.

Jadi dalam konteks komunis dan kaitannya dalam perjuangan mencapai kemerdekaan untuk Tanah Melayu, Shamsiah Fakih merupakan kes kajian yang paling baik. Baik kerana beliau insaf terhadap keterlanjurannya menyertai perjuangan komunis dan menanggung penderitaan yang tidak sudah-sudah. Dan oleh sebab itu kami memilih Shamsiah dan bukan orang lain dalam PKM.

Selain itu, kami ingin menilai sejauh manakah sumbangan Shamsiah dalam perjuangan kemerdekaan negara. Kami juga mahu melihat sejauh manakah Shamsiah terpengaruh oleh komunis. Dalam masa yang sama kami juga ingin melihat sejauh manakah pula komunis berjaya mempengaruhi masyarakat Melayu dan menembusi benteng agama. Semua ini penting sebagai bahan penilaian sejarah.

Kami Tidak Mendewakan Shamsiah

Kami telah menjelaskan pada keluaran pertama (Februari 1991) sewaktu riwayat hidup Shamsiah Fakih disiarkan buat pertama kali bahawa kami sama sekali tidak berniat mendewa-dewakannya, atau menjadikannya seorang srikandi. Yang kami ingin paparkan adalah sesuatu yang benar, adil dan objektif tentang Shamsiah. Kami tidak berniat untuk membuat tuduhan melulu serta fitnah terhadap Shamsiah ataupun terhadap sesiapa jua. Jadi amatlah tidak adil apabila tulisan tentang Shamsiah belum selesai lagi, ada orang-orang tertentu cuba menilai tulisan kami dengan keras dan mengatakan bahawa kami tidak tahu menilai sumbangan dan jasa seseorang terhadap negara dan bangsanya.

Perlu diingat bahawa tidak ada sesiapa pun yang berminat atau mahu menulis tentang Shamsiah sehalus yang dilakukan kini. Kalau adapun tulisan tentang Shamsiah sebelum ini, hampir semuanya merupakan tuduhan melulu yang lebih banyak menggambarkan kekejamannya. Sekurang-kurangnya kalaupun soalan kami mengarah kepada komunis dan pemahaman kami terhadap komunis seperti pemahaman kedai "kopi" – penyertaan Shamsiah dalam perjuangan komunis adalah satu fakta dalam hidup Shamsiah Fakih dan bukan fitnah yang kami timbulkan terhadapnya.

Kesukaran Mendapat Maklumat

Untuk mendapatkan bahan bertulis atau maklumat lisan daripada kaum keluarga ataupun kawan seperjuangan dan kenalannya agak sukar. Laporan polis perisik British juga tidak pernah menyebutkan nama



Ibrahim Mohamed, suami Shamsiah

Shamsiah Fakih. Kalau adapun yang dapat ditemui hanya nama pemimpin-pemimpin besar Parti Komunis Malaya (PKM) seperti Abdullah C.D., Rasyid Mydin, Musa Ahmad, Wahi Annuar atau Kamaruzzaman Teh.

Hal ini menjadi satu tanda tanya yang besar. Sekiranya peranan Shamsiah begitu hebat dalam PKM, begitu berani bertempur dan kejam membunuh – termasuk membunuh anaknya sendiri – tentulah ada namanya tercatat dalam laporan-laporan polis pada zaman British. Tetapi fail polis perisik British tentang Shamsiah di *Public Office Record* di London, dan juga di Arkib Negara tidak ada. Mungkinkah ada fail yang masih bercop "Rahsia" yang tidak siapa pun dapat membukanya?

Kaum keluarganya pula tidak semuanya menggemari diri mereka dikaitkan dengan Shamsiah; terutama adik-adik perempuannya yang masih kecil sewaktu Shamsiah masuk ke hutan. Saya menghadapi cemuhan dan hampir dihalau daripada rumah adik perempuannya hanya kerana menyebut nama Shamsiah, dan mahu bertanyakan perasaannya terhadap Shamsiah.

Walaupun terkejut dengan reaksi beliau, terpaksa diterima juga hakikat bahawa bukan mudah bagi mereka membezakan antara pertalian darah dengan kegiatan kakaknya yang tidak berkaitan dengan mereka.

HUNAN
Ibu Negeri Changsha

Keluasan
Changsha: 3,950 kaki persegi

Jumlah Penduduk
Hunan – 60 juta; Changsha – 13 juta

Tempat-tempat Menarik
Bukit Yudu, Pulau Juzi, menara Tianxin, kediaman Mao-Tse-Tung


Mata Wang
$1 – ¥1.91 (Renminbi)

Tanaman Utama
Padi, keledek, kentang, lada

Industri Utama
Besi, keluli, barangan kejuruteraan elektrik, tekstil, kerja tangan, barangan elektrik.




Shamsudin Ibrahim, anak sulung Shamsiah


Shamsiah bersama cucunya, Jamaliah

Maklumat daripada Tiga Orang

Bagaimanapun saya sangat beruntung kerana bekas suaminya yang pertama – Yassin Kina, di Tampin, adiknya Haji Ramli Sutan di Gombak, dan adik angkatnya Haji Hashim Ghani di Kuala Pilah, masih mengingati kisah-kisah silam dan dapat memberikan maklumat yang jelas terhadap perjalanan riwayat hidup Shamsiah daripada kecil hingga sebelum menjadi Ketua AWAS.

Riwayat hidup beliau semasa dalam PKMM bagaimanapun tidak sepenuhnya diingati oleh kawan-kawannya. Saya mengutip cebisan ingatan kawan-kawan seperjuangannya di sana sini termasuk daripada bekas suaminya Wahi Annuar. Sayang sekali orang yang paling rapat dengan Shamsiah hingga ke China – Musa Ahmad dan isterinya Allahyarhamah Zainab – tidak dapat ditemui. Sewaktu memohon bantuan daripada Musa Ahmad, ternyata beliau tidak dapat membantu menjelaskan beberapa perkara yang kabur tentang peranan Shamsiah Fakih semasa di hutan, dan semasa tinggal di China.

Barangkali ada hal-hal yang tidak wajar diketahui oleh masyarakat umum tentang perjuangan komunis di hutan atau di negara China; kerana itu beliau masih tidak dapat membantu.

Satu hari nanti mungkin beliau akan sudi meluangkan waktu untuk berkongsi pengalaman demi kebaikan dan pengajaran kepada generasi baru. Yang pasti tiada siapa memiliki pengalaman hidup seperti beliau yang begitu bermakna dan berwarna yang boleh dimanfaatkan untuk kebaikan bersama.


Rohani, isteri Kamaruddin

[M]asalah Untuk ke China

Usaha untuk mewawancara Shamsiah [d]i negara China tidak menjadi masalah ke[pa]da pihak kami, kerana Shamsiah telah [m]enyatakan persetujuannya untuk diwa[w]ancara melalui surat. Dan kami memang [m]engharapkan siri penulisan riwayat hidup [Sh]amsiah itu dapat ditamatkan dengan wa[w]ancara beliau.

Sayangnya untuk pergi ke China, ke[a]daan tidak semudah yang dijangka. Oleh [se]bab beberapa masalah teknikal, urusan [un]tuk mewawancara Shamsiah tertangguh [da]n kemudian pada saat-saat terakhir, pe[ne]rbangan ke China terpaksa dibatalkan. [H]anya setelah beberapa perkara dapat di[at]asi baharulah segala yang diharapkan [m]enjadi kenyataan.

[B]ertemu Shamsiah di China

Urusan masuk ke negara China tidak [ba]nyak masalah. Berbekalkan buah tangan [be]rupa kain batik, wajik serta dodol dari [ke]luarga Haji Ramli Fakih, adik kandung [Sh]amsiah, kami bertiga bertolak ke China. [P]enerbangan mengambil masa empat jam [k]e Guangzhou.

Walaupun kami tidak mengharapkan [Ja]maluddin (anak bongsu Shamsiah) [m]enunggu kami di lapangan terbang [G]uangzhou, namun kami berasa lega kerana [se]waktu mencari-cari teksi, Jamaluddin [m]enegur kami dengan ramah. Saya segera [m]engenali beliau kerana gambarnya telah [pe]rnah saya lihat.

Dari Guangzhou kami menaiki pesawat [l]ain pula untuk ke Changsha. Penerbangan [it]u hanya mengambil masa satu jam se[t]engah; dan kapal terbang tersebut penuh sesak dengan penumpang sama seperti penumpang yang menaiki kereta api di China. Begitu ramai rakyat China!

Di Changsha kami disambut oleh isteri Jamaluddin, Pan Han Jian ataupun Rohani (nama Islamnya). Beliau boleh berbicara dalam bahasa Melayu yang baik. Beliau belajar bahasa Melayu daripada suami dan kedua-dua mentuanya.

Kami hanya bertemu dengan Shamsiah pada keesokan harinya – 20 November 1991 – sungguh mengharukan dan menggembirakan pertemuan itu. Saya berkata "setelah mengkaji tentang riwayat hidup Mak Cik saya rasa seperti sudah 10 tahun mengenali Mak Cik". Beliau ternyata sangat gembira kerana buat pertama kali bertemu rakyat Malaysia sejak beberapa tahun. Beliau seolah-olah seperti melihat "Malaysia" apabila melihat kami.

Bahasa Melayunya masih baik – masih seperti orang Melayu "bercakap Melayu". Dan dia masih ingat loghat Minang. Umurnya 67 tahun. Masih tidak terlalu tua untuk mengingati banyak peristiwa. Bagaimanapun beliau kerap terlupa tentang peristiwa yang berlaku sepanjang hidupnya. Seringkali Ibrahim Mohamed (suaminya) mengingatkan Shamsiah. Hasil daripada perkongsian hidup, mereka dikurniai tiga orang anak lelaki – Shamsuddin, 34, Kamaruddin, 33, dan Jamaluddin, 31 tahun. Shamsiah mempunyai dua orang menantu perempuan bangsa China (isteri Jamaluddin dan isteri Kamaruddin – Shamsuddin telah bercerai dengan isterinya), dan tiga cucu perempuan, daripada tiga anak lelakinya.



Cucu Shamsiah: Jamaliah (di hadapan), Rosemaria dan Suria

Yang paling menarik, Shamsiah dan keluarganya merupakan satu-satunya keluarga Melayu di Hunan – sebuah wilayah di China dengan penduduk sebanyak 60 juta orang! Oleh itu hakikat bahawa mereka masih boleh berbahasa Melayu, dan tidak lupa akan adat istiadat Melayu sungguh mengagumkan, lebih-lebih lagi mereka terpaksa menghadapi cabaran bahasa dan budaya setiap hari.

Sejak kecil lagi anak-anaknya didedahkan dengan tulisan dan bahasa Melayu. Paling menakjubkan, cucunya Suria yang berumur 8 tahun, sangat fasih berbahasa Melayu dan baku pula. Suria hanya belajar bercakap dan menulis dalam bahasa Melayu daripada nenek dan datuknya di rumah.

Sebenarnya semasa menjalankan tugas ini, kami sangat sedar akan tugas dan peranan kami untuk mendapatkan maklumat yang objektif daripada mulut beliau sendiri terhadap berbagai-bagai tanda tanya, dan peristiwa yang menjadi persoalan. Kami juga ingin melihat cara hidup dan keadaan kehidupannya sekeluarga di sana.

Tugas kami sebenarnya selesai setelah segala soalan kami terjawab dan setelah keadaan kehidupannya sekeluarga di sana kami perhatikan.

Ikutilah wawancara penuh dengan Shamsiah Fakih di China dalam keluaran bulan hadapan....